



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3045]**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 3080]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) [Ruangan
3081]**

Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) [Ruangan 3109]

**Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) [Ruangan
3121]**

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 3133]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N.,
S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N.,
J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF
(Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA,
P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,
TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P.,
J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL LATIP BIN HAJI IDRIS (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W.,
J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K.,
A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI AZLAN KINJAWAN (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P.
(Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SAMAD BIN SAID (Dilantik).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P.,
J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN NINAM SHAH (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 18hb Julai, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

MINYAK MENTAH—PENGELUARAN

1. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengeluaran minyak mentah negara pada tahun 1978; jumlah keperluan minyak mentah negara untuk tahun 1978; jumlah minyak mentah yang diimpot dari luar negeri serta jumlah minyak mentah keluaran tempatan yang dieksport keluar negeri.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Keluaran minyak mentah dalam negara dalam tahun 1978 berjumlah 79.1 juta tong (10.4 juta metrik tan).
- (b) Jumlah keperluan minyak mentah negara yang diproses oleh kilang-kilang penapis minyak di tahun 1978 untuk kegunaan dalam negeri adalah sebanyak 40.7 juta tong (5.5 juta metrik tan).
- (c) Jumlah minyak mentah yang diimpot dan ditapis di kilang penapis tempatan dalam tahun 1978 ialah 30.7 juta tong (4.2 juta metrik tan).
- (d) Jumlah keluaran minyak dalam negeri yang telah dieksport dalam tahun 1978 adalah 68.0 juta tong (9 juta metrik tan).

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila memandangkan masalah minyak mentah yang kita eksportkan ke luar negeri yang keluar daripada negeri kita maka timbul satu masalah kekurangan minyak dalam negeri kita ini. Dengan keadaan ini walaupun Kerajaan telah menaikkan harga minyak diesel dan minyak tanah, adakah Kerajaan bercadang hendak menimbangkan satu peruntukan daripada syarikat-syarikat minyak supaya dinaikkan harga minyak itu lebih sedikit sama dengan apa yang dibuat oleh Singapura dan Kerajaan Thailand.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Ahli Yang Berhormat itu bertanya harganya patut dinaikkan? Oleh kerana kita merupakan sebuah negara yang mengeluarkan minyak tak seperti Singapura, maka pendapat Kerajaan ialah kalau harga minyak meningkat maka perbezaan harga yang dijual dengan harga yang dinaikkan akan dibiayai oleh Kerajaan dengan secara subsidi iaitu setelah kita menaikkan harga baru-baru ini kita tidak akan menaikkan lagi harga itu kalau ada kenaikan harga bahan mentah dalam jangka masa sedikit masa ini tetapi sebaliknya kita akan menaikkan subsidi kepada syarikat-syarikat minyak supaya mereka tidak rugi.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mengikut nilai pendapatan minyak mentah negara kita dalam tahun 1978 mengikut kira nilai wang berapa melion, kalau boleh dapat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Saya perlukan notis, Tuan Yang di-Pertua.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu oleh kerana kita pengeluaran minyak yang

cukup banyak pada hari ini, bolehkah kita menjadi ahli OPEC pada hari ini ataupun bolehkah kita minta supaya kita menjadi ahli OPEC supaya dapat kita menengok keadaan harga minyak di dunia.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang menjadi ahli dalam OPEC mengeluarkan minyak hampir semuanya lebih daripada 1 juta tong pada satu hari, termasuk Arab Saudi yang mengeluarkan 8 juta tong pada satu hari, Iran yang mengeluarkan 6 juta tong pada satu hari. Kita cuma mengeluarkan 240 ribu tong pada satu hari, jadi kita small league player, bukan big league player, tidak bolehlah hendak masuk lagi. Walaupun demikian, kita mengikut harga yang ditetapkan oleh mereka.

RUMAH MURAH—KELULUSAN TUKAR SYARAT

2. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau boleh berunding dengan Kerajaan Negeri supaya di dalam kelulusan tukar syarat kegunaan tanah, satu perempat dari jumlah rumah yang didirikan hendaklah rumah-rumah murah yang kurang dari \$12,000 seyunit.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu hampir-hampir sama dengan soalan-soalan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan yang mulia ini dan sekali lagi ingin saya nyatakan di sini bahawa perkara menetapkan/mengenakan syarat-syarat apabila meluluskan ubahsyarat kegunaan tanah adalah terletak kepada program Kerajaan Negeri dan di dalam projek ini Kementerian saya tidak akan mencampurtangan di dalam urusan Kerajaan Negeri. Perkara yang penting di sini ialah sama ada cadangan Ahli Yang Berhormat menetapkan syarat untuk membina rumah-rumah tidak melebihi \$12,000 satu yunit sama ada ianya menasabah memandangkan bahawa bagi pemaju-pemaju swasta yang tidak mendapat apa-apa subsidi. Rumah-rumah yang dijual dalam lingkungan harga ini adalah dibina oleh agensi-agensi Kerajaan yang mendapat beberapa kemudahan dari Kerajaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentu mendapat kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri, kalau tidak begitu tentu payah sangat Kementerian ini untuk menjalankan tugas-tugasnya. Pada hari ini kita nampak, Tuan Yang di-Pertua, setinggalan-setinggalan di dalam pekan, terutama sekali di Kuala Lumpur, orang yang tidak ada rumah ialah orang-orang miskin belaka. Jadi, kalau sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini tidak dapat berunding dengan Kerajaan Negeri dan tidak boleh membuat rumah harga \$12,000 satu yunit, sampai dunia kiamat pun orang miskin yang kita agung-agungkan untuk memberi rumah tidak akan dapat tercapai, betulkah atau tidak.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk jual rumah ini adalah dua jenis namanya iaitu Rumah Awam Kos Rendah dan Rumah Harga Rendah. Rumah Awam Kos Rendah ini peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian saya bagi dipinjamkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu rumah-rumah yang ditetapkan untuk dibuat tidak melebihi \$12,000 satu yunit dan dengan memberi subsidi. Kalau dengan harga demikian itu Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan tentu tidak dapat melaksanakan rancangan perumahan dengan harga yang begitu.

Keduanya, Rumah Harga Rendah, sebagaimana saya telah jawab tadi tidak dapat dijual dengan harga itu yang mana harga rumah harga rendah ini ialah setinggi-tingginya \$25,000 satu yunit—daripada \$12,000 sehingga kepada \$25,000 satu yunit. Walau bagaimanapun, ada negeri-negeri sementara hendak mengubah syarat tanah pertanian kepada tanah perumahan, maka ditetapkan sekian-sekian peratus rumah yang harganya berpatutan yang mampu dibeli oleh rakyat, seumpamanya di negeri Johor dan juga negeri Selangor sendiri yang telah menentukan, sebelum mengubah syarat tanah itu, dikenakan kepada pemaju-pemaju ini membuat rumah yang sekian peratus yang harganya sesuai dan mampu boleh dibeli oleh rakyat.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat kata tidak dapat untuk hendak membuat rumah sampai dunia kiamat, ini saya tidak yakin sebab Yang Berhormat tengok MBSB pun ada membantu memberi keutamaan kepada rancangan perumahan yang berharga \$12,000 satu unit iaitu pinjaman diberi keutamaan kepada mereka untuk hendak menggunakan wang MBSB memajukan rumah itu. Dan peruntukan ini dalam kajian semula ditambah lagi bagi melaksanakan rumah sepertimana saya katakan tadi bantuan Kerajaan yang diberikan dan diberikan subsidi bagi membolehkan rakyat yang mampu—maksudnya ada rancangan-rancangan seumpama itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kuala Lumpur ini satu kaki persegi tanah harganya \$3-\$4 jadi harga tanah sahaja \$5,000 hingga \$7,000. Kalau 1,500 kaki yang murah sekurang-kurangnya \$7,000. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri mempunyai tanah bekas-bekas lombong, boleh atau tidak kita menolong orang-orang miskin, sebab dikatakan kita mestilah menengok orang miskin ini lebih lagi daripada orang-orang lain. Boleh atau tidak Kerajaan berunding supaya Kerajaan Negeri ini bukan sahaja mengenakan syarat tetapi kalau tanah Kerajaan Negeri janganlah dijual sampai \$4 sekaki supaya kos rumah ini lebih murah daripada \$12,000 dan dapat rakyat miskin mempunyai tanah dan rumah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab boleh atau tidak, jawabnya boleh dan sudahpun dilaksanakan iaitu di kawasan Batu 3½ Jalan Cheras yang mana pemaju perumahan joint venture dengan Dewan Bandaraya membina lebih kurang 700 unit rumah. Bukan sahaja harga rumah itu \$12,000 tetapi harga itu dibuat, kalau hendak dijual harganya dalam \$8,500 sahaja, rumah yang dinamakan Clustered Link-House yang ada di Batu 3½ Jalan Cheras, dan sesuai sangatlah sebagaimana kata Yang Berhormat. Kementerian saya bersama-sama dengan Dewan Bandaraya memikirkan iaitu tanah-tanah yang harga tinggi itu tidak dibeli untuk membuat rumah dan sesuai sangat sebagaimana saya katakan tadi bahawa rumah \$8,500 ini dibuat di atas tanah lombong. Kalau rancangan itu sebagai pilot project berjaya akan dibanyakkan lagi

rancangan perumahan dan bolehlah kita memberi kepada mereka yang betul-betul memerlukan rumah.

PUSAT CARDIO—THORACIC

3. Tuan Oh Siew Aun (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementeriannya akan menghantar pakar-pakar bedah untuk mempelajari pembedahan jantung berlubang dengan tujuan menubuhkan Pusat Pembedahan Jantung Berlubang sebagaimana yang ada di Manila.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Kementerian ini sedang merancang untuk menubuhkan satu Pusat Cardio-thoracic termasuk pembedahan jantung berlubang dan dalam perancangan ini, latihan yang perlu diberi kepada pakar-pakar bedah dan pegawai-pegawai lain yang berkaitan adalah salah satu perkara yang dititikberatkan dan dipertimbangkan. Apabila keputusan mengenainya telah dicapai maka Kementerian ini akan menghantar pakar-pakar dan pegawai-pegawai itu untuk menjalani latihan di pusat-pusat latihan yang sesuai.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa ini ada berapa orangkah pakar jantung di negara kita ini dan berapa orangkah bukan bumiputra dan berapa orangkah bumiputra. Pakar jantung yang saya sebutkan ini baik yang jantung berlubang atau jantung yang tidak berlubang, berapa orang yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akhir-akhir ini kita dengar dan terbaca dalam akhbar banyak sangat kanak-kanak yang jantungnya berlubang dan kanak-kanak ini datangnya daripada golongan yang miskin. Adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak mengadakan satu tabung bantuan untuk menghantar anak-anak yang miskin ini yang jantung berlubang buat sementara waktu ini ke luar negeri sebelum pusat pakar diadakan di Malaysia.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan ataupun pihak Kementerian Kesihatan tidak ada satu peruntukan khas untuk menghantar pesakit seperti ini di seberang laut untuk dirawat. Walau bagaimanapun, bagi pegawai-pegawai Kerajaan pihak Kerajaan akan membiayai perbelanjaan ini dan apa yang ada sekarang ialah bantuan daripada pihak-pihak tertentu, pertubuhan-pertubuhan dan juga orang ramai. Jadi, setakat ini belumlah ada cadangan kita mengadakan tabung seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kita ambil perhatian atas masalah ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini menyedari bahawa kes-kes jantung berlubang ini adalah dilambatkan oleh pegawai-pegawai Kementerian ini untuk menghantar pesakit itu kepada pusat seperti di Manila. Dengan keadaan itu maka telah mautlah seorang kanak-kanak yang belum sempat menerima rawatan daripada pusat di Manila itu.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya suka di sini menafikan tuduhan bahawa pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan melambatkan penghantaran pesakit-pesakit jantung ini di luar negeri sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Dalam masalah merujuk kes-kes pesakit yang specialised seperti ini ianya mengambil masa yang panjang. Umpamanya kalau kita hendak merujuk satu kes itu di Manila banyak perkara yang terpaksa diambil hitungan pertama sekali ada atau tidak peluang katil di sana dan begitu juga masalah lain seperti kesesuaian kes dirujuk di tempat yang dimaksudkan, masalah kemampuan bagi pihak ini hendak membiayai perbelanjaan. Keupayaan hospital pakar tempat rujukan menerima kes itu dan lain-lain lagi faktor. Tuduhan mengatakan pegawai-pegawai Kementerian ini sengaja melambatkan kes-kes ini, saya tidak dapat menerima dan saya tolak dengan kerasnya.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Soalan tambahan. Baharu-baharu ini dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menjawab berkenaan dengan pakar jantung berlubang.

Bolehkah atau tidak Kerajaan pada masa ini menghantar kes-kes dari sini ke Manila atau Australia. Bolehkah Kerajaan membawa pakar itu ke Malaysia dan siapkan sahaja kes-kes itu di sini dan pembedahan itu dibuat di Malaysia sendiri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan boleh merujuk kes ke Manila dan tempat-tempat lain akan tetapi tiada semestinya menanggung perbelanjaan. Masalah ini bukanlah begitu senang bunyinya seperti hanya membawa pakar bedah jantung di sini dan rawat pesakit-pesakit iaitu membuat pembedahan di Malaysia. Tidak begitu senang, Tuan Yang di-Pertua. Rawatan penyakit jantung terutama sekali dalam masalah pembedahan merupakan satu kepakaran yang betul-betul sophisticated yang menghendaki alat physical dan segala kemudahan-kemudahan yang juga sophisticated selain dapat kakitangan yang betul-betul terlatih dalam bidang ini.

Sepertimana telah diumumkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini kalau tidak salah saya, kita di Malaysia ada mempunyai satu Open Cardiac Surgery Centre di Universiti Malaya. Tetapi kemudahan ini adalah terhad daripada segi facilitiesnya dan juga terhad daripada segi kakitangannya. Oleh itu, pembedahan yang dapat dijalankan di Hospital Universiti adalah juga terhad dari aspek jenis pembedahan dan juga kapasitinya.

HOSPITAL DAERAH—MUTU RAWATAN

4. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan rancangan yang diatur untuk meninggikan taraf rawatan di hospital-hospital daerah supaya ianya dapat melegakan kesesakan di hospital-hospital besar.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang membaiki mutu rawatan perubahan di Hospital-hospital Daerah bagi melegakan kesesakan di hospital-hospital besar. Di antara langkah-langkah untuk membaiki mutu rawatan di Hospital-hospital Daerah adalah termasuk:

1. Menempatkan pakar-pakar di hospital-hospital daerah yang lebih besar.

2. Meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan diagnostic dengan membekalkan kemudahan-kemudahan X-ray di Hospital Daerah dan juga meningkatkan taraf perkhidmatan makmal. Hospital Daerah juga sedang dibekalkan dengan alat-alat keperluan makmal bagi kemudahan perkhidmatan makmal di Hospital-hospital Daerah.
3. Memperbaiki bekalan alat-alat perubatan dan kemudahan-kemudahan lain berdasarkan kepada keperluan Hospital Daerah.
4. Apabila diperlui, pakar-pakar perunding dari Hospital Besar akan melawat Hospital-hospital Daerah untuk memberi khidmat kepakaran di hospital-hospital tersebut.

JAMBATAN JALAN KAKI DI KAMPUNG KERINCHI

5. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang membina jambatan untuk penduduk-penduduk Kampung Kerinchi berdekatan dengan Angkasapuri untuk menyeberangi Lebuhraya Persekutuan yang sesak dan merbahaya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Wilayah Persekutuan.

Satu kajian sedang dibuat tentang sama ada sebuah jambatan jalan kaki di Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) berdekatan dengan Kampung Kerinchi perlu atau boleh dibina. Kajian perlu dibuat dengan teliti kerana Lebuhraya Persekutuan adalah sebuah jalan yang lebar.

Selain daripada itu Dewan Bandaraya sedang memperbaiki sistem lampu isyarat di tempat yang berkenaan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, dalam soalan ini adakah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan tahu banyak nyawa telah terkorban akibat jalanraya itu sebab tiada tempat hendak menyeberang oleh penduduk-penduduk di Kampung Kerinchi itu. Umpamanya pada 2-5-78 seorang kanak-kanak telah mati semasa

hendak pergi ke sekolah. Dan pada 2-6-78 dua beranak mati kerana hendak menghantar anak ke sekolah untuk menyeberang jalan sebelah. Oleh itu boleh ataupun tidak, jikalau tidak boleh dibuatkan jambatan, adakah jalan di bawah tanah untuk penduduk-penduduk di kawasan itu yang lebih kurang ada 3,000 orang.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan mengetahui accidents yang telah berlaku itu. Oleh kerana hendak membuat satu jambatan menyeberangi jalanraya ini selain memakan belanja yang banyak, juga perlu dibuat satu kajian yang teliti. Dalam hal ini mungkin satu kajian juga akan dibuat bagaimana caranya kalau tidak dapat dibuat satu jambatan, cara lain akan dibuat kepastian.

KEDAI PAJAK GADAI— KADAR BUNGA

6. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kadar bunga yang ditulis semasa barang kemas dipajak di kedai-kedai pajak gadai adalah berlainan dengan kadar semasa hendak menebusnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah agak sukar bagi saya untuk membuat pengakuan di dalam Dewan yang mulia ini. Ini adalah kerana tidak ada orang-orang yang sanggup melaporkan perkara ini kepada pihak yang berkuasa seperti polis sebaik-baik sahaja perkara ini berlaku supaya tindakan serta merta dapat diambil.

Sepanjang yang dapat dikesan tidak ada pengaduan baik secara bertulis mahupun secara lisan mengenai perkara ini yang telah dilaporkan kepada Kementerian saya.

Walau bagaimanapun ini tidaklah bererti yang Kementerian saya akan berdiam diri dalam hal ini. Pihak Kementerian sedang membuat kajian yang teliti mengenainya dan satu daripada cara yang difikirkan praktikal untuk mengatasinya ialah mewajibkan pihak pajak gadai mengeluarkan resit rasmi ke atas semua jenis bayaran yang dibuat oleh pengadai-pengadai. Pada masa ini resit akan

dikeluarkan oleh pihak pajak gadai hanya jika ada permintaan (on demand) daripada penggadai-penggadai, dan tidak ramai orang yang tahu akan perkara ini.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PEMILIK

7. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau berpuashati bahawa pemilik-pemilik rumah dalam rancangan-ancangan perumahan baru akan bercorak berbilang kaum mengikut dasar Kementeriannya.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini saya memang berpuashati dengan kedudukan pemilik rumah-rumah sama ada di rancangan-ancangan perumahan awam kos rendah yang dibiayai oleh Kementerian saya mahupun di rancangan-ancangan perumahan swasta. Di rancangan-ancangan perumahan ini memang telah mencerminkan penduduk-penduduk berbilang kaum dan Kementerian saya akan sentiasa memastikan supaya dasar penyatuan kaum seperti ini akan terus berjalan.

Dari segi rancangan perumahan awam kos rendah Kementerian saya telah menyediakan garis panduan kebangsaan untuk diamalkan dan dijadikan panduan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam membahagikan rumah-rumah tersebut. Garis panduan yang telah disediakan itu adalah membayangkan hasrat dan dasar Kerajaan bagi mengatasi masalah perumahan di kalangan golongan berpendapatan rendah serta juga bagi memastikan tujuan Dasar Ekonomi Baru terlaksana. Setakat ini saya berpuas hati dengan cara pembahagian rumah itu dijalankan dan adalah dijangka ianya akan dapat melahirkan satu masyarakat berbilang kaum di kawasan perumahan Kerajaan.

KERETAPI TANAH MELAYU— KEGELINCIRAN

8. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan keretapi kita kerap kali tergelincir landasan sama ada benar bahawa landasan dan kayu-landas (sleepers) berada dalam keadaan yang buruk; jika ya, nyatakan tindakan yang

diambil untuk memperbaiki serta memodenkan keseluruhan prestasi Keretapi Tanah Melayu.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat Dewan ini pada bulan Disember tahun lalu saya telah memberi penjelasan sebab-sebab kegelinciran Keretapi Tanah Melayu dan telah menyatakan bahawa hanya 22% dari jumlah kegelinciran itu disebabkan oleh akibat kerosakan landasan. Maka tidaklah benar jika sekiranya kita menganggap bahawa kegelinciran itu disebabkan oleh keburukan landasan dan pengalasan (sleepers) sahaja kerana kegelinciran berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang lain juga.

Walau bagaimana Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu memang mempunyai rancangan membaharui rel di kawasan-kawasan di mana kejadian kegelinciran ini sering berlaku, khususnya seperti pembaharuan landasan bagi cawangan Pantai Timur.

Usaha-usaha pembaharuan ini akan terus dilaksanakan oleh Keretapi Tanah Melayu dan akan dilipatgandakan lagi manakala pesanan rel-rel baharu dijangka diterima pada penghujung bulan Oktober ini dari luar negeri.

Dalam usaha menyelenggara dan membaharui landasan ini, pihak Keretapi Tanah Melayu telah juga menggunakan alat-alat moden seperti jentera penyelenggaraan landasan dan selain daripada itu menggunakan juga rail fasteners berjenis moden yang terbukti baiknya. Dari segi kayu landasan pula, di samping menggunakan landasan-landasan yang dibuat dari kayu, Keretapi Tanah Melayu juga telah menguji penggunaan landasan concrete dan penggunaan landasan concrete ini akan diperluaskan apakala depot pengeluarannya siap dibina.

PENYAKIT KUKU/MULUT

9. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad meminta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Kerajaan Thailand bagi mencegah berulangnya penyakit KUKU dan MULUT binatang-binatang ternakan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia dan Thailand telahpun membincangkan mengenai Penyakit Kuku dan Mulut. Satu persefahaman telah dicapai.

Langkah-langkah berikut telah disyorkan bagi mengawal dan menghapuskan Penyakit Kuku dan Mulut:

- (a) memperhebatkan kegiatan suntikan di kawasan sempadan Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand untuk mengadakan kawasan penahan ("buffer zone").
- (b) mempercepatkan penukaran maklumat di antara kedua negara apabila berlaku wabak Penyakit Kuku dan Mulut sama ada di Malaysia atau di Thailand.
- (c) Malaysia mengadakan mesyuarat atau perjumpaan dari masa ke semasa.
- (d) peraturan mengimport ternakan dari Thailand ke Malaysia melalui pusat-pusat kerantina akan diperkemaskan dan apabila wabak penyakit ini dihapuskan maka peraturan ini akan dikaji semula.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Saya ingin tahu di Kelantan pada mulanya Kerajaan menembak lembu kerbau yang kena penyakit kuku dan mulut. Apabila ada petua, maka disuntik dan dipelihara pula. Saya ingin mendapat penjelasan apakah hasil suntik dan pelihara itu memberi kesan kepada ternakan itu?

Kedua, saya ingin tahu bilakah atau waktu manakah penyakit ini biasanya datang lagi. Adakah Kementerian ini tahu masa penyakit ini datang?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Kesan suntikan itu ialah binatang-binatang yang belum diserang ataupun dijangkiti oleh penyakit itu dapat dikawal, dan bila penyakit itu akan datang tidak seorang pun boleh beritahu. Itu sahaja.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian ini sebagaimana yang dikatakan tadi pada masa berlakunya penyakit mulut dan kuku ke atas kerbau lembu di sempadan Thailand dan

Malaysia dahulu maka pihak Kerajaan kita memusnahkan kerbau lembu yang berpenyakit itu. Tetapi apa yang saya tahu pihak Kerajaan Thailand tidak memusnahkan, dia mengubati kerbau lembu yang berpenyakit itu. Sekarang ini sebagaimana yang pihak Kementerian tahu penyakit mulut dan kuku ini telah timbul semula di Malaysia. Adakah pihak Kementerian kalau sekiranya penyakit ini begitu serius akan mengulangi bagaimana langkah dahulu iaitu memusnahkan kerbau lembu yang berpenyakit itu, atau buat langkah baru iaitu kerbau lembu yang berpenyakit itu diletakkan di satu tempat dan diubati hingga sembuh. Apakala dia sembuh barulah dijual ataupun disembelih dan sebagainya. Kalau sekiranya dibuat begitu, kalau sekiranya sudah sembuh, adakah apa-apa bencana dagingnya itu untuk dimakan oleh manusia kerana di Thailand dia tidak tembak tetapi diubati dan baik, kemudian disembelih dan dijual. Tetapi kematian kerbau lembu di Thailand nampaknya tidaklah berlebihan daripada Malaysia.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, cara Thailand mengawal penyakit itu di negerinya terpulangan kepada Kerajaan Thailand, tetapi Kerajaan Malaysia sekarang sedang mengkaji apa cara yang baik untuk mengawal dan memusnahkan penyakit ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa Kerajaan telah menyesali tindakan menembak binatang-binatang ini? Dengan sebab itu Kerajaan sekarang telan menguolah satu sistem mengikut sebagaimana yang dibuat oleh Thailand.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Cuba ulangi sekali lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Adakah Kerajaan telah menyesali tindakan menembak binatang-binatang yang terlibat ini? Dengan menyesali ini maka Kerajaan sekarang telah memikirkan supaya sistem yang dibuat di Thailand itu adalah lebih baik daripada yang dibuat di Malaysia.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tidak.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, setelah kita memberhentikan tembak menembak dan kita menggunakan

suntikan ataupun ubat, soalan saya adakah pada masa ini Kerajaan sudah menyediakan ubat-ubat sekiranya penyakit ini menyerang semula di Kelantan atau di negeri-negeri lain?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Ya.

Tuan Abdullah bin Salleh: Untuk mencegah penyakit kuku dan mulut kita tidak dapat memastikan bahawa di kalangan penternak-penternak kerana suntikan ini bukanlah dari rumah ke rumah hanya dikumpulkan di satu-satu tempat sahaja. Ada di kalangan penternak-penternak yang tidak membawa kerbau lembu untuk disuntik. Sekiranya terdapat penternak-penternak yang tidak mematuhi arahan ini, apakah tindakan bagi pihak Kementerian ini terhadap penternak-penternak yang enggan mematuhi?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Sekarang semua itu boleh mematuhi dan akan mematuhi.

INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)—LATIHAN PEGAWAI

10. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di tiap-tiap negeri bagi melatih pegawai-pegawai baru supaya mereka dapat memahami segala hal berkaitan dengan penyelidikan, rancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang penting itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa cawangan-cawangan Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telahpun sedia ada di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia kecuali di negeri Perlis. Cawangan-cawangan INTAN adalah diberi tugas khusus untuk melatih pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat perkeranian dalam berbagai bidang supaya mereka dapat memperolehi pengetahuan dan pengkhususan bagi menjalankan tugas-tugas mereka dengan lincin dan teratur.

Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, latihan adalah diberi di Ibupejabat INTAN di Kuala Lumpur dan melalui kursus-kursus tertentu yang diatitkan di peringkat negeri dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Bagi memperluaskan lagi peluang latihan di peringkat negeri, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Pusat-pusat Wilayah INTAN di Sungai Petani, Kedah, bagi kawasan Utara; di Kemaman, Trengganu bagi kawasan Timur, dan di Keluang, Johor bagi kawasan Selatan. Di samping itu sebuah Kampus baru INTAN akan juga ditubuhkan di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, untuk menampung keperluan latihan dan aktiviti-aktiviti penyelidikan di peringkat nasional.

Sekiranya rancangan pembangunan ini dapat dilaksanakan mengikut jadual, adalah dijangka mulai tahun 1982 pihak INTAN akan dapat memberi latihan kepada lebih banyak lagi pegawai-pegawai Kerajaan bagi meninggikan mutu dan kecekapan mereka dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Ingin saya maklumkan pada Dewan yang mulia ini iaitu sejak tahun 1972 hingga 1978 pihak INTAN telahpun berjaya melatih seramai 28,209 pegawai Kerajaan dalam bidang-bidang seperti berikut:

<i>Bidang</i>	<i>Jumlah Pegawai</i>
1. Tadbiran dan Pembangunan	2,618
2. Pengurusan	4,493
3. Perkeranian	11,889
4. Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Bandaran ...	707
5. Hal Ehwal Antarabangsa ...	99
6. Latihan untuk Jabatan- jabatan Kerajaan	8,403
	<hr/> 28,209 <hr/>

KAPALTERBANG PEJUANG TEBUAN TUDM TERHEMPAS

11. Datuk Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peristiwa terhempasnya beberapa buah kapal terbang pejuang Malaysia akhir-akhir ini telah banyak menimbulkan keraguan di kalangan

orang ramai dan adakah beliau bercadang hendak menukar jenis kapalterbang yang ada itu kepada kapalterbang SUPERSONIC yang lebih lengkap dan moden yang sesuai dengan pertahanan Malaysia.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar peristiwa terhempasnya beberapa buah kapalterbang pejuang TUDM baru-baru ini telah menimbulkan keraguan di kalangan rakyat di negara ini. Tetapi saya suka menjelaskan bahawa soal kemalangan kapalterbang ini bukanlah satu perkara yang saya boleh jamin tidak akan berlaku sama sekali. Hanya saya boleh menyatakan di sini bahawa kadar kemalangan yang kita alami dalam TUDM adalah rendah dan tidaklah buruk memandangkan bahawa hanya jet Tebuan 6 kemalangan yang melibatkan jet Tebuan terhempas semenjak lebih 13 tahun lalu.

Kita tidaklah boleh lari daripada kenyataan bahawa tugas ataupun latihan yang dijalankan oleh jet-jet pejuang ini memerlukan kecekapan dan gaya yang tangkas oleh pemandu-pemandunya. Latihan-latihan ini tentulah tidak sama dengan yang dibuat oleh pilot awam kerana pilot-pilot TUDM adalah dilatih untuk tujuan peperangan. Oleh sebab itu mereka terpaksa membuat berbagai latihan dan operasi yang merbahaya seperti latihan akrobatik, mendarat dengan injin yang mati dan memandu tanpa mengira apa keadaan cuaca dari satu masa ke satu masa.

Kalau difahamkan dari segi peranan TUDM itu kejadian kemalangan ini tidaklah sepatutnya menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai, kerana perkara tersebut adalah di dalam perhatian berat oleh Kementerian ini dan ia sedang dan akan sentiasa diatasi, dikaji dan diteliti dengan sewajarnya untuk mencegah supaya rate of accident ini jangan melebihi yang kita tahu berlaku di tempat-tempat lain dengan jenis-jenis kapalterbang yang kita gunakan.

Kementerian Pertahanan sentiasa membuat kajian bukan sahaja terhadap penggantian kapalterbang pejuang ini, bahkan juga terhadap alat-alat dan kelengkapan tentera yang digunanya, dengan tujuan melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan kelengkapan selaras dengan perkembangan

keadaan dari masa ke semasa, dan memandangkan ancaman yang mungkin berlaku yang kita boleh hadapi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya oleh kerana kemalangan yang berlaku begitu banyak. Ini satu jenis kapalterbang iaitu Tebuan, daripada 15 buah jet Tebuan, 6 telah jatuh dan saya mendapat tahu daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengatakan bahawa 5 buah jet itu kerana badannya tidak berapa kuat, sebab sudah terlampau lama. Kalau sudah tua, giginya tidak ada; matanya sudah rabun, macam itulah badan kapalterbang itu sudah lemah, maka ia telah jatuh. Dengan sebab itu, satu sahaja yang didapati, iaitu mechanical fault, jadi kalau begitu, boleh atau tidak, oleh kerana sayangkan nyawa pilot-pilot yang begitu lama kita latih mereka dan ini boleh digunakan untuk satu masa kelak apabila negeri kita diserang musuh, maka kita boleh gunakan mereka itu. Lebih baiklah jet Tebuan ini digrounded untuk training di bawah sahaja. Boleh atau tidak dibuat begitu?

Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa dalam semua kemalangan yang kita telah hadapi pada masa yang lepas, hanya satu sahaja kemalangan yang boleh dikatakan oleh sebab technical fault. Yang lain boleh jadi sebab-sebab lain yang tidak ada kena mengena dengan keadaan jentera ataupun kelengkapan kapalterbang itu. Ini boleh membuktikan bahawa source of trouble iaitu punca masalah kita bukanlah kapalterbang tetapi perkara-perkara lain. Misalnya kecekapan pemandu masa berlatih yang tidak boleh kita harap tinggi kepandaiannya serta-merta.

Kita ada rancangan-rancangan yang sedang kita jalankan sekarang ini, iaitu supaya selepas kita mengganti ataupun mendapat penggantian daripada kapalterbang Tebuan ini, kita akan menggunakan kapalterbang Tebuan ini sebagai jet trainer sahaja, iaitu untuk digunakan bagi melatih pilot-pilot kita. Ini akan meringankan sedikit tugas kapalterbang itu, kerana kapalterbang yang digunakan untuk training tidak begitu berat loadnya, misalnya tidak membawa banyak bom dan lain-lain dan stressnya

tidak begitu kuat. Ini adalah rancangan yang kita telah buat. Saya rasa tidaklah boleh bagi kita membekukan jet ini dan tidak menggunakan sama sekali atau digrounded kerana ini akan mengganggu rancangan latihan yang kita perlu jalankan lebih hebat lagi.

PERTANDINGAN LAGU ASLI

12. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan pertandingan lagu asli seperti yang pernah dibuat pada tahun lima puluhan dahulu yang diadakan di Kebun Bunga untuk mencungkil bakat-bakat baru dan untuk mempopularkan seni suara yang lama ini.

Timbalan Menteri Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian saya tidak bercadang mengadakan pertandingan seperti yang dimaksudkan itu. Usaha mengembangkan lagu-lagu asli melalui kegiatan-kegiatan pesta, pementasan kebudayaan dan media adalah dianggap mencukupi untuk menggalakkan dan mencungkil bakat buat masa ini.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kompong telah dijadikan sebagai satu seni bagi merasmikan setiap apa juga perasmian, pembukaan dan lawatan. Kenapakah tidak digalakkan rakyat negeri ini yang bukan bumiputra bagi mempelajari kompong ini supaya dapat sama-sama menikmati sebagai alat-alat kesenian negara.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya latihan kompong ini akan diberi satu galakkan kepada beliau-belia kita di negeri ini.

Tuan Mak Hon Kam: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada?

Tuan Mak Hon Kam: Ya.

UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN—PENGUATKUASAAN

13. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bila undang-undang Kerajaan Tempatan yang diselenggarakan akan dijalankan di seluruh negara.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menetapkan tahun 1980 sebagai tahun matlamat atau "target year" untuk menyelesaikan proses penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya adalah sedang giat menggalakkan Pihakberkuasa Negeri menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di negeri masing-masing dan usaha yang dijalankan untuk menguatkuasakan Akta itu adalah memuaskan. Setakat ini beberapa Pihakberkuasa Negeri telahpun menyelesaikan menguatkuasakan Akta tersebut ke seluruh negeri mereka iaitu Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Kelantan dan Kedah. Pihakberkuasa-pihakberkuasa Negeri yang lain sedang giat membuat persediaan untuk menguatkuasakan Akta tersebut di dalam negeri masing-masing.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah seruan yang dibuat oleh Kementerian ini ada lagi negeri-negeri yang belum menjalankan berhubung dengan menguatkuasakan Akta ini dan adakah Akta ini meliputi negeri Sabah dan Sarawak?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, keyakinan dan harapan Kementerian saya bagi boleh menyelesaikan perkara ini hingga tempoh 31hb Disember, 1979. Semua negeri-negeri telah mengisytiharkan Akta itu dan menjalankan atas kuatkuasa Akta 171/1976.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Apakah sebab penyalaraan ini bertingkat-tingkat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi cuma empat buah negeri sahaja telah melaksanakan, tetapi ada negeri-negeri lagi yang akan melaksanakan, mengapakah langkah bertingkat-tingkat ini dilakukan oleh Kerajaan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian saya telah mengenalkan Akta ini patutlah kita siarkan di tiap-tiap Dewan Undangan Negeri, selepas itu kita mempunyai banyak kesulitan dan masalah-masalah untuk diselesaikan dalam peruntukan-peruntukan dan kita akan beri pada tiap-tiap negeri, sebab itulah sampai masa sekarang kita sedang menjalankan dalam proses ini. Saya harap semua Kerajaan-kerajaan Negeri akan menerima Akta yang sedang dalam proses sekarang.

PERMIT LORI JENIS A

14. Tuan Haji Nordin bin Pesah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada orang-orang perseorangan yang mendapat lebih daripada satu permit lori jenis A dan permit-permit itu diAlibabakan; jika sedar nyatakan sama ada beliau bercadang meluluskan permit tersebut hanya kepada seseorang yang akan memandunya sendiri sebagaimana yang dicadangkan bagi permit-permit teksi.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang ada orang-orang perseorangan yang mendapat lebih daripada satu permit Lori A dan saya juga sedar ada sebilangan kecil permit-permit tersebut diAlibabakan. Semua permohonan sama ada daripada orang perseorangan atau syarikat adalah dipertimbangkan dengan mengambilkira kemampuan pemohon berkenaan menjalankan perusahaan itu dari segi modal, pasaran, cara menguruskan perniagaan dan pengalaman, jika ada.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah mengAlibabakan permit-permit lori dan teksi ini adakah Kementerian ini dapat membuat satu panduan supaya Ali-Baba itu dihalalkan dan dengan ini dapat usahasama antara Ali dengan Baba dengan tujuan atau maksud-maksud yang ada dengan kaitan kenderaan ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Ali-Baba ini ialah satu istilah, daripada mana datangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat pastikan, tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat ada cadangan-cadangan tertentu

macam mana kita hendak mengatasi perkara ini untuk kebaikan kita semua, saya dengan sukacitanya menerima cadangan-cadangan itu untuk dipertimbangkan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum daripada menerima cadangan-cadangan dari saya dan orang yang pakar dalam perniagaan ini, saya harap Yang Berhormat kalau terjumpa lesen-lesen permit Ali-Baba ini jangan dipotongkan sekarang hingga dapat diselesaikan pada satu ketika.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau sekiranya pemegang-pemegang lesen itu melanggar syarat-syarat yang dikeluarkan dalam lesen itu dan kita dapat mengesannya pihak Lembaga Pelesenan akan mengambil tindakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya berlainan dengan soalan Ahli Yang Berhormat itu. Pada pendapat saya kalau Melayu hendak maju dan hendak jadi manusia yang dipandang orang, maka praktis Ali-Baba ini mestilah diberhentikan. Ali-Baba ini maknanya iaitu si Ali duduk diam, si Baba menggunakan lesen, si Ali diberi \$20 sebulan, kalau begitu sampai bila pun orang Melayu tidak maju. Ali-Baba yang saya setuju ialah joint-venture yang betul-betul, si Baba bekerja, si Ali bekerja sama-sama bertugas, si Ali lebih pula syer-nya mengikut Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sebab orang Melayu atau bumiputra ini ketinggalan ke belakang dalam iktisadnya. Maknanya si Ali lebih sungguhpun si Ali dapat lesen, Ali dapat syer dan si Baba sama-sama bekerja, jadi bolehkah ditimbangkan di atas perkara ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak menjadi soalan.

PERSEKOLAHAN KANAK-KANAK DI TANAH MERAH

15. Puan Hajjah Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Pelajaran menyatakan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah 400 orang kanak-kanak di bawah umur 12 tahun daripada 39 mukim

di Tanah Merah, Kelantan yang tidak bersekolah disebabkan kemiskinan atau mereka tinggal terlalu jauh di pedalaman.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa ada kanak-kanak di Tanah Merah dan begitu juga di tempat-tempat lain yang tidak bersekolah. Untuk makluman Yang Berhormat daerah Tanah Merah mengandungi tidak kurang daripada 33 buah sekolah rendah dan 5 buah sekolah menengah, cukup untuk menampung keperluan penduduk-penduduk di situ. Sejak beberapa tahun ini Pejabat Pelajaran dan Jawatankuasa Tindakan Daerah telah berusaha memberi segala galakan kepada ibubapa-ibubapa untuk menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah dan kejayaan telah dicapai walaupun ada juga ibubapa-ibubapa yang masih enggan menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pihak Kementerian saya tidak dapat bertindak lebih daripada menyampaikan nasihat-nasihat dan memberi kemudahan-kemudahan tertentu sahaja.

Bilangan kanak-kanak yang terlibat tidak dapat dipastikan. Kenvataan di dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 20-2-1979 berpunca daripada laporan dan statistik yang agakny sedikit daif. Laporan keciciran telah mendedahkan bahawa ada kanak-kanak berumur 6-12 tahun tidak bersekolah, dan sejak laporan ini diisytiharkan Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan kanak-kanak masuk sekolah. Setakat ini boleh dikatakan kejayaan telah tercapai walaupun masih ada lagi sekumpulan kanak-kanak berumur 6-12 tahun belum lagi dihantar ke sekolah. Kementerian saya sedar dan sedang berusaha untuk menambahkan lagi Kemudahan-kemudahan dan memberi makanan tambahan, buku teks percuma dan sebagainya untuk menarik lebih banyak lagi kanak-kanak datang ke sekolah.

LANUN MENGGUNAKAN SENJATA MODEN

16. Tuan Chua Ching Cheng (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa lanun yang selalu mengancam keamanan nelayan kita menggunakan senjata moden seperti mesin-gun dan pelempar

bom tangan buatan Amerika dalam tindakan mereka merampas jung nelayan untuk mendapat wang tebusan sebanyak US\$2,000 tiap-tiap satu jung dan kadangkala nelayan itu dibunuh; sama ada Kerajaan telah berhubung dengan negara-negara ASEAN supaya usaha-usaha menghapuskan lanun antarabangsa itu dapat disatukan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tangkapan dan rampasan yang telah dibuat adalah didapati hanya lanun-lanun yang bergerak di kawasan perairan Sabah sahaja yang ada menggunakan senjata seperti mana yang telah dinyatakan itu. Daripada tahun 1978 hingga bulan Jun, 1979 hanya satu sahaja kejadian membunuh oleh lanun telah dilaporkan berlaku iaitu di negeri Sabah juga.

Mengenai rampasan jung serta wang tebusan pihak berkuasa tidaklah menafikan perkara ini, mungkin ada berlaku tetapi tiada laporan diterima oleh pihak Polis berhubung dengan perkara ini.

Bahawa hubungan dengan negara-negara ASEAN sepertimana Thailand, Indonesia dan juga Singapura memang telah sedia ada untuk menentang kegiatan lanun-lanun dengan pihak Filipina pada ketika ini berhubung dengan perkara ini belum lagi wujud dan walaupun demikian perkara ini sedang mendapat pertimbangan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sudahkah sampai ke pengetahuan Kementerian ini bahawa menurut apa yang disungutkan oleh nelayan-nelayan kita di Pantai Timur, Trengganu dan Kelantan mereka telah dirompak oleh nelayan-nelayan daripada Thailand dan nelayan Thailand menggunakan senjata. Kalau sudah sampai kepada pengetahuan Kementerian ini apa langkah sudah dibuat, kalau belum sampai, adakah Kementerian ini hendak mencari perkara-perkara yang saya bangkitkan ini supaya dapat dipastikan.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah sampai ke pengetahuan pihak Kementerian berhubung dengan kejadian lanun daripada

Thailand merompak nelayan-nelayan Malaysia. Langkah sedang diambil, tindakan juga sedang diambil bagi mengatasi masalah ini dengan adanya rondaan-rondaan tambahan sepertimana yang saya telah terangkan dan juga hubungan di antara kedua negara iaitu Thailand dan Malaysia di antara satu dengan lain mengadakan pakatan dan juga rondaan bersama dalam perairan masing-masing bagi mencegah keadaan-keadaan ini berlaku. Jadi tindakan sentiasalah diambil dari satu masa ke satu masa bagi melindungi nelayan-nelayan negara ini daripada rompakan-rompakan yang telah berlaku itu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Di dalam perkara nelayan ini sebagaimana yang pihak Kementerian telah tahu nelayan-nelayan di Negeri Thai memang bebas memakai senjata, dia boleh pakai tak ada tegahan tetapi di negara kita Malaysia adalah menjadi satu kesalahan besar menggunakan senjata-senjata itu sedangkan di dalam Peraturan Perikanan Nelayan, nelayan kita boleh pergi menangkap ikan keluar daripada perairan sesebuah negeri, iaitu keluar daripada kawasan 12 batu, Malaysia menggunakan sempadan 12 batu sahaja untuk nelayannya, tidak 200 batu sebagaimana negara-negara lain.

Soal saya kalau sekiranya pihak Thailand datang ke laut Malaysia di luar kawasan 12 batu dia bebas memakai senjata, apakala bersua sahaja dengan nelayan kita yang tak ada senjata, maka dia mengorbankan nelayan kita, sama ada pukatnya disamun, ikannya itu dirampas ataupun sebagainya. Sebagaimana dahulu diakui di dalam Dewan yang mulia ini Kerajaan kita juga akan mengisytiharkan perairan kita 200 batu. Jadi bolehkah atau tidak dalam masa Kerajaan kita belum lagi mengisytiharkan 200 batu ini, dibekalkan nelayan-nelayan kita yang keluar daripada 12 batu itu dengan senjata-senjata supaya menggerunkan musuh itu tidak boleh mencero boh lagi.

Tan Sri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tidaklah bercadang lagi untuk membekalkan nelayan-nelayan ini dengan senjata bahkan kita anggap adalah memadai Pasukan Keselamatan Polis Merin mengawasi dan menjaga

keselamatan mereka itu kerana membekalkan senjata ini kepada nelayan akan membangkitkan keadaan yang lebih buruk lagi dalam perkara-perkara yang lain pula.

RUMAH MURAH KERAJAAN— PENYALAHGUNAAN

17. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada orang-orang yang diberi rumah murah dalam rancangan Kerajaan telah menjual atau menyewakan rumah-rumah itu kepada orang lain; jika sedar, nyatakan bilangannya dan tindakan yang diambil terhadap mereka.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, adapun masalah dengan soalan ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar dan saya kira istilah "rumah murah" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah rancangan rumah awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya. Bagi rumah-rumah awam kos rendah ini kira-kira seramai 2,000 orang penghuni yang telah diberikan rumah-rumah tersebut telah menjual atau menyewakan rumah-rumah kepada orang lain.

Tindakan yang diambil ke atas penghuni-penghuni yang menyalahgunakan pemberian Kerajaan itu adalah berbeza di antara satu negeri ke satu negeri yang lain. Pada keseluruhannya sebagai langkah pertama Kerajaan-kerajaan Negeri memberi amaran kepada penghuni-penghuni asal supaya mengambil balik atau menduduki semula rumah-rumah tersebut. Sekiranya amaran ini tidak diindahkan, maka rumah-rumah itu ditarik balik oleh Kerajaan.

CUKAI JALAN (ROAD TAX)— MENGURANGKAN

18. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula kadar cukai jalan (road tax) bagi teksi-teksi, lori-lori dan bas dengan tujuan untuk mengurangkan harga tambang teksi, bas serta lori.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengurangkan cukai jalan yang dikenakan ke atas bas-bas semasa membentangkan Belanjawan 1979 yang lalu. Kadar cukai jalan yang berkuatkuasa pada masa ini ialah 25% lebih rendah dari kadar dahulu. Bagi teksi dan lori pula kadar cukai jalan yang ada sekarang adalah difikirkan wajar. Walau bagaimanapun, Kerajaan senantiasa mengkaji perkara percukaian ke atas kenderaan dan sekiranya didapati perlu, langkah yang sesuai akan diambil.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang hendak menurunkan duti import ke atas kereta baru sebab sudah difikirkan kalau kita mengimport kereta luar negeri lebih murah daripada beli kereta dalam negeri.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat sabar sedikit dan tunggu Ucapan Belanjawan pada bulan Oktober ini.

PERKHIDMATAN WAJIB BAGI DOKTOR-DOKTOR

19. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengenakan perkhidmatan wajib selama lima tahun ke atas doktor-doktor baru.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak Kerajaan belum ada cadangan untuk menambahkan tempoh 3 tahun perkhidmatan wajib bagi doktor-doktor seperti yang diperlukan sekarang.

LADANG TEH TEMPATAN

20. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Menteri Pertanian menyatakan peratus daun teh yang dikeluarkan oleh ladang-ladang teh tempatan sekarang dan sama ada Kerajaan akan menggalakkan pembukaan ladang teh oleh rakyat negara ini atau oleh pelabur asing secara usahasama.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ladang-ladang teh tempatan mengeluarkan kira-kira 6,000 kilogram sehektar dan jumlah pengeluaran teh tempatan adalah 41% daripada jumlah penggunaan dalam negara. Pada masa ini MARDI sedang menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan teh baka baik untuk meninggikan hasil pengeluaran dan dapat mengeluarkan hasil dengan lebih cepat. Apabila kajian ini telah berjaya maka jenis-jenis teh tersebut akan diperkenalkan kepada pekebun teh di negara ini.

Berhubung dengan pelaburan asing pula, perkara ini akan dikaji mengikut merit setiap kes dan jika didapati menguntungkan negara ini permohonannya boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

RUMAH MURAH KEPADA SETINGGAN

21. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan pemaaju-pemaaju lebih suka membina rumah harga tinggi dalam pekan-pekan yang besar dengan tujuan mendapat keuntungan yang banyak, sama ada beliau mempunyai rancangan untuk memberi rumah murah kepada setinggan-setinggan yang begitu ramai di negara ini.

Dato' S. Samy Vellu: Kementerian saya tidak mempunyai apa-apa rancangan perumahan yang ditujukan khas kepada setinggan-setinggan. Walau bagaimanapun rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya adalah ditujukan kepada semua golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Ini bermakna setinggan-setinggan juga adalah dipertimbangkan untuk mendapat rumah-rumah tersebut sekiranya mereka layak dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

KURSUS MATRIKULASI— PEMILIHAN

22. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah pemilihan untuk masuk ke Kelas Matrikulasi dibuat.

Dato' Chan Siang Sun: Kursus Matrikulasi yang di bawah pengawasan bersama Kementerian Pelajaran dan Universiti Kebangsaan/Sains Malaysia ada dua kategori:

1.1 (a) Kursus Matrikulasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran—Universiti Kebangsaan Malaysia, ditempatkan di lima buah sekolah berasrama penuh berikut:

1. Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur.
2. Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah.
3. Sekolah Seri Puteri, Kuala Lumpur.
4. Sekolah Menengah Sains Trengganu, Kuala Trengganu.
5. Sekolah Menengah Sains Melaka, Air Keroh, Melaka.

(b) Kursus Matrikulasi Kategori 1 ini meliputi satu jangka masa satu tahun.

1.2 (a) Kursus Matrikulasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran bersama Universiti Sains Malaysia ditempatkan di tiga buah sekolah berasrama penuh berikut:

1. Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang, Bukit Mertajam.
2. Sekolah Menengah Sains Kedah, Sungai Petani.
3. Sekolah Menengah Tuanku Syed Putera, Kangar, Perlis.

(b) Kursus Matrikulasi Kategori 2 ini adalah untuk 2 tahun; tahun pertama di sekolah yang dinyatakan pada 1.2 (a) dan tahun kedua di Universiti Sains Malaysia.

Kerjasama Kementerian Pelajaran dengan universiti-universiti tersebut pada 1.1 dan 1.2 di atas bagi menjayakan/melaksanakan rancangan Kursus Matrikulasi ini adalah dalam bidang berikut:

2.1 Semua pelajar-pelajar Kursus Matrikulasi adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sekolah dan dengan itu mereka adalah dianggap sama dengan pelajaran dalam tingkatan lain, dan layak mendapat kemudahan-kemudahan yang sama seperti pelajar-pelajar tingkatan lain itu.

2.2 Semua guru-guru Kursus Matrikulasi di semua pusat Kursus Matrikulasi yang dinyatakan di atas adalah kakitangan Kerajaan dan tertakluk kepada kawalan Kementerian Pelajaran.

2.3 Kursus Pengajaran atau Kurikulum Kursus Matrikulasi disediakan oleh Universiti yang berkenaan.

2.4 Kementerian Pelajaran melalui sekolah-sekolah yang terlibat sentiasa mengadakan kerja-kerja penyelarasan bagi menjayakan rancangan kursus matrikulasi.

Pemilihan pelajar-pelajar adalah berdasarkan permohonan dari calon-calon yang berkelayakan seperti yang diiklankan:

3.1 Iklan dikeluarkan oleh universiti yang berkenaan.

3.2 Kelayakan tertentu dikehendaki oleh Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memasuki Kursus Matrikulasi ialah:

- (i) Kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia.
- (ii) Lulus matapelajaran Ilmu Hisab Tambahan.
- (iii) Jumlah unit bagi 3 matapelajaran Sains termasuk Ilmu Hisab Tambahan tiada melebihi 15 unit.

3.3 Kelayakan tertentu dikehendaki oleh Universiti Sains Malaysia untuk memasuki Kursus Matrikulasi adalah:

- (i) Kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia.
- (ii) Jumlah unit bagi lima matapelajaran—Hisab, Hisab Tambahan, Kimia, Fizik dan Kajihayat tidak melebihi 30 unit.

3.4 Calon-calon hendaklah terdiri dari rakyat Malaysia.

3.5 Pemilihan dibuat oleh Universiti berkenaan dan keputusan pemilihan calon-calon diselaraskan melalui Unit Pusat Universiti.

KAEDAH TATATERTIB BAGI PELAJAR-PELAJAR/PENSYARAH

23. Datuk Haji Ahmad Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengadakan peraturan-peraturan tatatertib ke atas penuntut-penuntut pusat pengajian tinggi seperti tidak dibenarkan pelajar lelaki berambut panjang, berpakaian kemas ketika menghadiri kuliah dan lain-lain seperti yang dikenakan oleh UTM, dan sama ada peraturan ini akan juga dikenakan kepada para pensyarah di pusat pengajian tinggi itu.

Dato' Chan Siang Sun: Buat masa ini sudah pun terdapat kaedah-kaedah tatatertib bagi pelajar-pelajar dan juga pensyarah-pensyarah untuk semua pusat pengajian tinggi di Malaysia yang ada menetapkan peraturan-peraturan yang menasabah dalam mengawasi tatatertib pelajar dan juga para pensyarah. Di dalam perlembagaan tiap-tiap pusat pengajian tinggi di negara ini juga ada tercatat bidang kuasa mengenai tatatertib pelajar dan pensyarah ini. Oleh itu terpujanglah kepada budibicara tiap-tiap institusi itu sama ada hendak mengadakan peraturan sendiri seperti tidak membenarkan pelajar lelaki berambut panjang, berpakaian kemas ketika menghadiri kuliah dan lain-lain.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA— PERLUCUTAN TARAF

24. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak membatalkan kewarganegaraan rakyat Malaysia yang telah diberi kebenaran oleh negara-negara berkenaan untuk tinggal tetap di negara mereka lebih dari lima tahun.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang tidak bercadang hendak melucutkan taraf kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia semata-mata atas sebab ia diberi kebenaran menetap di negara asing lebih daripada lima tahun. Tindakan

perlucutan hanya akan diambil terhadap mereka berdasarkan peruntukan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

PENYALAHGUNAAN DADAH/ SUBVERSIF KOMUNIS/ ANASIR JAHAT

25. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak melancarkan kempen besar-besaran ke seluruh negara dengan menggunakan segala alat dan jentera kerajaan termasuk tentera dan polis, jabatan-jabatan serta badan-badan ugama di peringkat pusat, negeri daerah dan mukim yang dapat menolong mencegah dan menghapuskan penyalahgunaan dadah, subversif komunis di sekolah-sekolah dan anasir-anasir jahat yang merompak, menyamun, mengugut dan sebagainya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Adalah sentiasa menjadi tanggungjawab Kementerian ini untuk mencegah dan menghapuskan penyalahgunaan dadah, subversif komunis di sekolah-sekolah dan anasir-anasir jahat yang merompak, menyamun, mengugut dan sebagainya. Usaha-usaha ke arah ini telah, sedang dan akan terus diperhebatkan tanpa sebarang keredaan.

Dalam pada itu kerjasama yang telah diberikan oleh berbagai Jabatan/Kementerian di dalam menghadapi dan menghapuskan masalah-masalah ini, melalui jentera masing-masing, adalah juga sangat-sangat menggalakkan.

Dengan hal yang demikian, adalah didapati bahawa persoalan sama ada untuk mengadakan kempen besar-besaran ke seluruh negara tidaklah timbul, memandangkan keadaan seperti yang dinyatakan di atas tadi. Pendek kata, usaha-usaha yang sedang berjalan pada masa ini adalah didapati memuaskan.

BANK PERDAGANGAN/ BANK SAUDAGAR

26. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan bank yang terdapat di Malaysia.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Hingga setakat ini terdapat 37 buah bank perdagangan dan 12 buah bank saudagar di Malaysia.

PERNIAGAAN MINYAK OLEH KERAJAAN ATAU AGENSI KERAJAAN

27. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan akan menjalankan perniagaan minyak supaya harganya menjadi tetap.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pada 17-7-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

MINYAK TANAH DAN DIESEL— KEKURANGAN

28. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan beliau akan ambil terhadap masalah kekurangan minyak tanah dan minyak diesel.

Dato' Lew Sip Hon: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pada 17-7-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

PENUNTUT BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI

29. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah penuntut-penuntut bukan Melayu yang diterima masuk ke semua fakulti di kelima-lima buah Universiti tempatan tahun ini.

Dato' Chan Siang Sun: Jumlah penuntut-penuntut bukan Melayu yang diterima masuk di semua fakulti di kelima-lima buah Universiti tempatan tahun ini ialah seramai

1,880 orang. Jawapan kepada soalan ini telahpun saya beri semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng pada 11hb Julai, 1979.

TEH—IMPORT/EKSPORT

30. Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar negara kita masih mengimpot teh dari luar negeri dan jika ya, nyatakan negara-negara yang mengeksport teh ke Malaysia dan jumlah hitung panjang teh yang diimpot setiap tahun.

Dato' Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah benar pada masa ini Malaysia masih lagi mengimpot teh dari luar negeri. Negara-negara ialah Republik Rakyat China, Sri Lanka, utama yang mengeksport teh ke Malaysia Formosa, Argentina, Thailand dll. Dalam tahun 1977 jumlah teh yang diimpot ialah sebanyak 7 juta paun yang bernilai \$11 juta, tahun 1978 ialah sebanyak 3.7 juta paun bernilai \$13.6 juta dan bagi tahun 1979 sehingga akhir bulan Mac ialah sebanyak 0.13 juta paun yang bernilai \$1.2 juta.

KANUN KESIKSAAN—PINDAAN

31. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada beliau akan menimbang meminda Kanun Kesiksaan untuk menambahkan hukuman maksima bagi kesalahan-kesalahan merosakkan tempat-tempat ibadat.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Kementerian saya mengambil ingatan atas perkara ini dan akan memberi pertimbangan sewajar kepadanya.

MINYAK DIESEL—KEKURANGAN

32. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan minyak diesel.

Dato' Lew Sip Hon: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang serupa semasa beliau

menjawab soalan dari Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pada 17-7-79 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

PENDATANG HARAM VIETNAM— BILANGAN

33. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang datang ke Malaysia dalam bulan-bulan Mac hingga Jun 1979, bilangan tempat yang telah disediakan untuk mereka dan berapa orangkah ditempatkan di satu-satu tempat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Bilangan pendatang haram yang datang ke Malaysia dalam bulan-bulan Mac hingga Jun 1979 ialah 40,988 orang.

Bilangan tempat-tempat yang telah disediakan untuk mereka ialah seperti berikut:

(a) KELANTAN:

(1) Kemumin	556	
(2) Pantai Irama Bachok ..	825	
(3) Tanjung Che Mas Tumpat	398	1,779

(b) TRENGGANU:

(1) Pulau Bidong	11,430	
(2) Pantai Merang	3,540	
(3) Pantai Marina	500	
(4) Pantai Jambu Bongkok	700	
(5) Pantai Bukit Api Dungun	450	
(6) Pantai Paka Dungun ..	180	
(7) Pulau Redang	250	
(8) Telok Puchong Kemaman	345	
(9) Kampung Temian Dungun	145	
(10) Seberang Kastam Besut	250	
(11) Pantai Penarik Besut ..	404	
(12) Pantai Batu Rakit ..	1,040	19,234

(c) PAHANG:

(1) Cherating	763	
(2) Kampung Anak Air Kuantan	2,946	
(3) Tanjung Pahang Andau	620	
(4) Telok Chempedak Kuantan	518	
(5) Tanjung Agas Pekan ..	252	
(6) Pulau Tioman	2,000	
(7) Tanjung Gelang Kuantan	930	
(8) Pantai Chendor	400	
(9) Pantai Cherating	285	
(10) Pantai Beserah	270	
(11) Pantai Batu 25 Jalan Kuantan/Kemaman ..	625	9,609

(d) JOHOR:

(1) Pulau Tengah	5,190	
(2) Balai Raya Mersing Kecil	2,550	
(3) Telok Mahkota Kuala Sedili	230	
(4) Sungai Buntu Sungai Rengit	290	
(5) Pantai Desaru	200	
(6) Kampung Setajam Sungai Rengit	240	
(7) Tanjung Gemok Sungai Rengit	335	9,035

(e) SARAWAK:

(1) Bukit Angus Kuching ..	169	
(2) Buntal 1st Division Sarawak	448	
(3) Sentubung Sarawak ..	200	817

(f) SABAH:

(1) Pulau Papan	94	
(2) Kuala Rampayan Kota Belud	420	514
Jumlah	40,988	40,988

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Julai, 1979).

Perbahasan disambung semula.

3.37 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan saya di Dewan ini pada petang semalam.

Saya suka menarik perhatian iaitu apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi sesuatu ucapan dalam seminar atau sebagainya maka itu adalah menjadi satu dasar yang mesti diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan kalau sekiranya Kerajaan Negeri tidak mengikuti bermakna pada hemat rakyat ianya melanggar atau berlawanan dengan kehendak pucuk pimpinan negara kita.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bercakap dalam Seminar Perkayuan supaya menubuhkan satu Konsortium Perkilangan Perkayuan tetapi setelah sebulan lebih langkah-langkah itu tidak ada kedengaran, maka ini menjadi satu kewajipan kepada Kerajaan Pusat supaya mengikuti semula apa yang telah diucapkan atau yang dikehendki oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri kita supaya diikuti dan dipatuhi oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat tidak boleh berkata bahawa-sanya soal memberi tanah kawasan balak dan sebagainya ini kuasa Kerajaan Negeri sebab Dasar Ekonomi Baru kita ialah meliputi kerjasama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri harus diperingati oleh Kerajaan Pusat dalam hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan Kerajaan Pusatlah yang mesti bertanggungjawab sepenuhnya mengawali akan kejayaan sesuatu rancangan di dalam sesebuah negeri. Jadi kalau sekiranya Kerajaan Pusat

atau pihak-pihak yang berkenaan mengatakan bahawa ini bukan tanggungjawab Kerajaan Pusat tetapi ini tanggungjawab Kerajaan Negeri, maka ini boleh dikatakan satu jawapan yang melepaskan batuk di tangga. Saya memperingatkan supaya Kerajaan Pusat mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam negeri di tanahair kita ini, termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita harus menggalakkan pertumbuhan perkilangan di antara orang bukan bumiputra dengan bumiputra, sebab Dasar Ekonomi Baru ini tidak akan berjaya jika tidak disokongi oleh orang bukan Melayu. Jadi hasil untuk membolehkan kejayaan itu perlulah Kerajaan memberi galakan supaya tumbuh perkongsian di antara bukan Melayu dengan Melayu. Kalau sekiranya tidak tumbuh persesuaian ini, saya takut kalau-kalau satu pihak memandang ke satu pihak dengan keadaan yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman orang-orang Tionghua dalam soal perkilangan sahaja. Padahal apabila kita datang pada awal-awal dahulu mereka sama dengan orang Melayu juga, oleh sebab orang Tionghua mempunyai nikad dedikasi, kepercayaan kepada diri sendiri, hidup mesti makan dan makan mesti dicari, dengan matlamat inilah kejayaan orang Tionghua, maka daripada pengalaman orang Tionghua inilah yang kita minta supaya mereka boleh menolong dan memimpin sama-sama kepada orang Melayu bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu banyak Menteri kita melawat ke Eropah, ke Jepun, ke Amerika, bukan sahaja oleh Menteri-menteri biasa, tetapi juga oleh Timbalan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi apa salahnya kalau beliau melawat Brunei. Brunei sebuah negeri yang kaya, dia mempunyai kelebihan kewangannya tahun 1978 \$9,000 billion, belum masuk tahun 1979 akan datang. Apa salahnya dia melaburkan dalam negeri kita, negeri kita tidak jauh? Jangan kita kesahkan dia negeri yang masih dalam kongkongan British, kita kesahkan dutinya. Soal dia merdeka penuh, tidak penuh, itu soal lain. Daripada kita pergi ke negeri Arab, apa

salahnya kita pergi ke Brunei, yang jauhnya hanya dua jam setengah sahaja perjalanan kapalterbang.

Saya belum mendengar Kerajaan kita akan melawat secara rasmi, menghantar dan mengisi pelaburan di Brunei. Kelebihan kewangan Brunei bukan perkara yang dibuat-buat, kelebihan \$9,000 billion yang ada tersimpan dalam khazanahnya bank, di mana dia hendak laburkan? Apa salahnya kita minta laburkan di sini. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh berkira usahasama dengan bumiputra sebab di sana pun golongan bumiputra juga. Kalau orang-orang negeri-negeri lain dari Eropah atau dari Amerika sanggup boleh melabur dalam negeri kita ini, saya fikir tidak ada sebab mengapa negeri Brunei atau Kerajaan Brunei tidak boleh melabur kewangannya dalam negeri kita.

Apabila tragedi berlaku dalam tahun 1973 Kerajaan Malaysia melindungi pelarian-pelarian pemberontakan Brunei di negara kita, maka Kerajaan Brunei menarik balik semua penuntutnya dan sehingga hari ini tidak ada seorang pun penuntut Brunei. Oleh sebab itu ada baiknya dan saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya misi perdagangan kita melawat Brunei dan cuba minta melaburkan di negeri kita ini, di samping mempelawa penuntut-penuntut Brunei menuntut di Pusat Pengajian tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh dalam masalah Akta Penyelarasan Perindustrian ini iaitu hendaklah juga dikaji dan diperhatikan mutu barang-barang perkilangan di negara kita. Saya sedar banyak kali Kerajaan memberi kemudahan dan kadangkala menahan barangan dari luar negara datang ke negeri ini kerana semata-mata melindungi perkilangan negara ini. Dengan sebab itu mutu pengeluaran kita perlu tinggi dan baik.

Satu ketika dahulu payung kertas. Payung kertas yang dibuat di Malaysia ini kurang mutunya daripada payung kertas yang datangkan dari luar negeri. Jadi sungguhpun kita hendak menggalakkan perkilangan kita tumbuh, tetapi mutu perkilangan di negara kita ini harus dijagai, walaupun SIRIM ada menjagai, tetapi saya fikir tentu ada sebab-sebabnya maka mengapa kita dapati satu ketika dan beberapa ketika mutu bahan

perkilangan di negara kita ini jatuh mutunya. Saya memberi harapan kepada Kerajaan supaya mutu perkilangan kita juga dikawali kuat-kuat supaya ianya menunjukkan barang-barang yang ada di negara kita menjadi lebih baik daripada negeri-negeri lain.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, bahawa kita ada mempunyai getah. Kata beliau kalau kita boleh mengeluarkan kasut getah sahaja pun banyak negara dalam dunia ini boleh membeli, beliau membanding dengan negeri China yang mempunyai hampir-hampir seribu juta manusia. Saya boleh membawa pandangan ke negeri Arab. Negeri Arab berkehendakkan kasut yang tidak bertutup rapat seperti selipar kerana negeri itu panas. Kalau sekiranya kita boleh membuat kasut getah atau lebih tepatnya dikatakan Selipar Jepun yang dibuat daripada Malaysia ini dihantar ke negeri-negeri Arab, maka ini akan menjadi satu barang perkilangan yang cukup laku dan dikehendaki di negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang perlu saya sebutkan di sini lagi. Kita negeri yang banyak mengeluarkan barang yang utama, seperti getah, minyak kelapa sawit, bahan-bahan kayu dan lain-lain tetapi mengapa FELDA yang begitu banyak ladangnya tidak mempunyai satu kilang pengeluaran barang-barang daripada getah atau kelapa sawit. Di mana anak peneroka itu kelak nanti boleh bergantung, bergayut nyawa kerana tanah yang dipunyai oleh bapanya itu akan dimiliki atau diwarisi oleh anak yang pertama atau anak sulungnya sahaja. Jikalau seorang peserta FELDA kelak ada mempunyai enam orang anak, anak yang lima lagi itu akan merantaulah mereka itu kelak mencari penghidupan yang baru. Saya memohon kepada Kerajaan terutama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah memikirkan perkara ini supaya FELDA sebuah agensi Kerajaan yang banyak membuat ladang-ladang sama ada getah, kelapa sawit supaya ia memikirkan dari sekarang ini menjadi sebuah badan pengilang yang utama dalam negeri kita.

Kita menjadi pengeluar getah dan menjual getah itu dengan tujuan berkehendakkan kewangan luar negeri masuk ke negeri kita. Beberapa lama dahulu Tuan Yang di-Pertua

masih ingat, kita masih kekurangan undang kertas kerana undang kertas dieksport ke luar negeri dan kita sekarang kekurangan undang di pasar-pasar kita dengan harga \$7-\$8 se-kati kerana kita masih memandang masuknya wang luar negeri ke dalam negeri kita sahaja. Apa salahnya Kerajaan memikirkan masalah mendirikan kilang kita sendiri dalam soal melengkapi kegunaan kita di samping kita boleh mengeluarkan barang-barang kita sendiri.

Saya tentu mendapat jawapan daripada Menteri bahawa kalau kita jual kasut, tentu orang tak mahu beli getah kita, tetapi di samping itu kita kena memikirkan banyak masalah yang akan timbul, seperti pengangguran pada masa yang akan datang dan lebih lagi dapati pelaburan asing masuk dalam negeri ini ialah kerana memperkuat negara kita, politiknya stabil, ekonominya baik. Jadi pelaburan asing, mereka menanam modal di sini dan kita dapat faedah daripadanya bukan sahaja hasil-hasil cukai, tetapi juga kita boleh mengatasi pengangguran. Tetapi, kalau kita tidak hemat-hemat orang itu kelak selepas 7 tahun selepas 10 tahun mereka mengutip hasil negeri kita yang dihantar balik ke negaranya sendiri pada masa yang akan datang. Itulah sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi peringatan saya kepada Kerajaan bahawa walau macam manapun memohon, meminta pelaburan asing masuk ke dalam negara kita, tetapi soal usaha sama perlu dilakukan supaya tidak susah Kerajaan pada masa akan datang. Dan kita tidak kelak menengok bahawa sanya segala kemewahan dan kewangan negara kita keluar mencurah dari negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat hendak bercakap panjang dalam membahaskan Bil ini, hanya saya merayu kepada Kerajaan dan apa yang saya telah sebut ini mendapat pertimbangan dan hendaknya Bil ini bukan sahaja menggalakkan pelaburan datang tetapi menggalakkan juga perkembangan perindustrian dalam negara kita ini, lebih-lebih lagi pengkongsiannya sama di antara orang Melayu dan bukan Melayu daripada orang bumiputra dan orang Tionghua, bagi memimpin bersama-sama memberikan sebanyak-banyak pengalaman mereka supaya kita hidup dalam negara kita ini dalam keadaan aman. Dan dengan jalan itu Dasar Ekonomi Baru akan berjaya.

Saya menyeru kepada pengilang-pengilang yang bukan bumiputra supaya membuka pintu menjual sahamnya kepada bumiputra. Di samping itu membawa mereka ke dalam, dan melatih mereka. Maka dengan jalan itu bukan sahaja kita menggalakkan pelaburan dari luar negeri, tetapi kita menggalakkan tumbuhnya perkilangan dalam negeri ini sendiri yang diusahakan oleh rakyat dalam negeri ini. Maka pada waktu itu, perasaan-perasaan curiga yang boleh menyebabkan tidak percaya mempercayai boleh kita hapuskan. Dan saya berdoa apa yang saya katakan ini akan diberkati Tuhan dan akhirnya, saya menyokong Bil untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan diluluskan.

3.54 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:
Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan pindaan Akta Penyelarasan Perindustrian ini, saya sungguh bersyukur dapat juga sama turut untuk membahaskannya, walaupun tidak saya bahas dengan panjang oleh kerana sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang saya cuba hendak membahaskan sudah diperkatakan. Sebagai tidak mengulang lagi, apa yang saya hendak sebutkan di sini di dalam Huraian (a), (b) dan (c) sahaja di mana di dalam setiap pindaan undang-undang kita tahu mesti dilakukan apabila terdapat kekurangan atau tidak kemas atau tidak sempurna hukumannya atas kesalahan atau kerana ketidak-lancaran tiap-tiap hasrat Kerajaan atau timbul penyelewengan hasrat atau cita-cita negara terutama di dalam negara kita yang sedang membangun ini ketidak-seimbangan atau curiga-mencurigai sama ada sesama rakyat negeri ini atau pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah berkempen ke dunia luar meminta pelabur asing menanam modal di negeri ini yang setahu saya banyak sudah pelabur-pelabur itu, banyak sudah kilang-kilang dan industri didirikan. Kita tahu Kerajaan banyak tidak puas hati dalam perkembangan dan kemajuan industri-industri ini, banyak cara penyelewengan dan ketidak-seimbangan dalam segenap segi seperti peruntukan permodalan, peruntukan pekerjaan. Hasil kelancaran untung rugi syarikat tidak pernah dilaporkan

dengan tepat, kalau dipaksa juga maka bermacam-macam helah diadakan, tetapi kempen atau iklan amat hebat sekali dikeluarkan sama ada di dalam atau di luar negeri. Maka dalam perkara ini banyak yang menjadi korban terutama sekali ialah bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bumiputra tidak merasai nikmat perkembangan dan kemajuan perindustrian ini, maka dalam perkara ini saya tidak mahu menyalahkan sesiapa, kerana banyak bahagian yang membuat kesalahan ini terutama orang yang tamak, cemburu dan gila pangkat serta wang ringgit serta mencuri kesempatan-kesempatan ini. Maka kita mestilah tetap diperuntukkan. Kerajaan, bank-bank, badan-badan berkanun dijadikan pemegang amanah, sementara bagi pemodal setiap perkilangan, bekas-bekas pelajar universiti dan pusat pengajian tinggi, kolej, sekolah menengah, bumiputra yang ada berminat atau diminatkan ke lapangan itu hendaklah diletakkan bersama untuk pengurusan dengan lain-lain pekerja bukan bumiputra sama ada di dalam dan di luar negeri dan diletakkan di segenap peringkat. Oleh itu amat perlu sekali mendapat keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan, apa lagi terutama mengenai Dasar Ekonomi Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah tahu, kita dapat membendung persamaan pekerjaan dan hasil yang akan membuahakan bakat di masa hadapan. Kita dapat membendung penyelewengan sesuka hati oleh pegawai pengurusan, kita dapat menambah permodalan hasil pekerjaan yang diserapkan melalui saluran-saluran yang dimestikan nanti. Kita dapat menghalang penyelewengan pekilang-pekilang bagi membolot lesen-lesen pekerjaan, pengurusan, keuntungan, bakat yang hanya mengharapkan bumiputra pada permulaan dan permohonan lesen-lesen sahaja, tidak seterusnya sama-sama mengecap hasil lumayan, pekilang-pekilang itu. Ini telah kita rasai sekian banyak kilang yang didirikan, sekian banyak modal bumiputra diserapkan, sekian banyak pula bumiputra diberi pekerjaan, maka sekian banyak buruh bumiputra diberi pekerjaan, tetapi itu semua hanya pada permulaan atau pada tahun pertama atau tahun kedua sahaja.

Kemudian dengan tidak kita sedari secara bijaksana dikurangkan ke sana kemari, dipindah ke sana kemari, maka kita dapati sekarang hanya bekas itu dan bekas-bekas ini sahaja.

Kenapa ini semua berlaku, ini kita ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Kenapa ini semua boleh berlaku, ini ialah kerana perasaan tamak dan cemburu yang tidak habis-habis kerana itu Kerajaan tidak bertindak bagi seterusnya, hanya memikirkan perkara ini berlaku dengan sekerat jalan sahaja. Banyak menyalahkan bumiputra dengan bermacam-macam alasan tetapi tekanan moral dan mental tetap dijalankan secara bijaksana bagi menyampaikan hasrat bumiputra.

Banyak kejadian apabila projek perkilangan mahu didirikan maka dicarilah bumiputra yang berpengaruh diperuntukkan peratus modalnya. Maka hambat ke sana ke mari bagi pengeluaran lesen dan pinjaman modal tetapi apa yang terbayang, apabila berhasil dan mendapat kejayaan maka helah bumiputra ini diadakan bagi dikesampingkan maka ini adalah perkara yang tidak lumayan. Maka saya amat mengharap kepada Kerajaan supaya bertindak tegas dalam perkara ini bagi menjalankan penyelesaian perindustrian ini hendaklah difikirkan ini adalah penting bagi negara kita. Dengan tekanan dari awal hingga ke akhirnya maka ini hendaklah dikekalkan maka pembaharuan lesen juga hendaklah diperhatikan.

Dalam pembaharuan lesen baharu hendaklah dihati-hatikan dan diselidiki dengan sewajarnya maka akhirnya juga dengan demikian dapatlah hasrat cita-cita yang dikehendaki itu tercapai. Jangan kira nama tetapi apa yang kita mahu aktiviti juga mestilah diselaraskan. Kalau ini tidak ada maka Kerajaan patutlah bertindak dan Akta ini baharulah ada mempunyai erti, jika hanya Akta tinggal Akta tindakan tidak diambil maka tidaklah ada erti Akta yang kita luluskan ini.

Di dalam pemindahan milik juga hendaklah dibuat secara penerangan yang sejelas-jelasnya dengan rakan sejawat, tidaklah kerana alasan yang berat sebelah dan diharapkan sungguh kepada Kerajaan kalau berlaku perkara pindah milik ini hendaklah

diawasi dan diambilalih sementara sekurang-kurangnya, paling kurang 6 bulan, sesudah proses baharulah dibenarkan, setelah betul-betul berpuashati baharulah diberikan kebenaran. Juga penyata atau maklumat bagi industri itu mestilah dibuat oleh badan-badan berkanun atau Kerajaan. Penyata yang dibuat melalui syarikat-syarikat berseendirian atau perkongsian mestilah ditatap dengan jelas janganlah diterima dengan bulat-bulat begitu sahaja. Kita perlu sungguh cemburu dalam perkara ini kerana kalau tidak demikian kita bimbang nanti kalau-kalau ada pakatan sulit bagi meluluskan penyata-penyata. Maka dengan ini saya berharap dengan lulusnya Akta ini nanti Kerajaan perlu bertindak mengikut lunas-lunas yang betul-betul.

Maka di dalam mengakhiri perbahasan saya, ingin saya menyebut sedikit di dalam bahagian (c) kepada Huraian Rang Undang-undang mengenai menubuhkan Majlis Penasihat Perindustrian. Ini juga hendaklah diperhatikan kepada bentuk perlantikan penasihat itu yang betul-betul orang yang ada mempunyai kebolehan yang sewajarnya dan penyesuaian dengan kebolehan, janganlah seperti yang kita perhatikan yang sudah-sudah bila kita membentuk badan penasihat atau Jawatankuasa asalkan kita membuat komplot mana yang kita rasa baik dan dekat dari kita sedangkan orang itu tidak berminat kepada jalan itu dan tidak ada pula kebolehan dari segi itu, maka di dalam pembentukan penasihat dan jawatankuasa ini hendaklah diperhatikan betul-betul dan selidik mana-mana yang betul-betul ada kebolehan dan kelayakan baharulah diberi penyesuaian perlantikannya. Dengan ini sekian dari saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penyelarasan dan Perindustrian tahun 1975 ini.

4.05 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong serta memberi pandangan-pandangan dan sokongan saya atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, saya tidak payah ulangkan berkali-kali perkara yang kita telah mencapai kemer-

dekaan. Apa yang saya suka menarik perhatian ialah Dasar Ekonomi Baru telahpun dilaksanakan pada awal tahun 1971 iaitu 14 tahun selepas kita menerima kebebasan daripada penjajah Inggeris. Selepas melaksanakan Dasar Ekonomi Baru masa telah berjalan selama 8 tahun setakat sekarang ini. Sungguhpun 8 tahun, ada banyak orang dari golongan rakyat kita kurang faham dan salah faham tentang Dasar Ekonomi Baru. Ini amat penting untuk hari depan negara supaya bekerjasama, pandangan-pandangan dan sokongan diberi oleh kaum bukan bumiputra kepada Kerajaan maka Kerajaan cuba untuk meninggikan taraf hidup kaum bumiputra yang amat penting, yang kita sayangi dan cintai.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan dan fikiran saya, dari segi keselamatan negara dan pepaduannya, kaum Cina dan India mestilah memberi sokongan yang sungguh-sungguh kepada Dasar Ekonomi Baru. Di sinilah, bergantungnya nyawa dan jiwa negara kita. Tiap-tiap warganegara Malaysia mestilah menerima dan bertanggungjawab iaitu kebaikan orang Melayu atau bumiputra ialah kebaikan orang bukan bumiputra.

Dari segi politik, Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa pelajari ketiga-tiga kaum yang penting dalam negeri ini mesti maju bersama-sama. Oleh kerana peluang tidak diberi semasa penjajah Inggeris kepada satu golongan dan oleh sebab itu satu golongan telahpun tertinggal di belakang tetapi golongan yang lain itu dia bersungguh-sungguh bekerja dan mencapai satu standard hidup begitu tinggi, dan apabila kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga tahun 1971 sungguhpun kita memang mengadakan berbagai-bagai dasar Kerajaan tidak mengambil serius bagaimana serius kaum bumiputra telah tertinggal di belakang jika dibandingkan dengan lain-lain kaum.

Dengan pandangan jauh Allahyarham Tun Abdul Razak yang kita selalu sayang kekal dan abadi kita telah melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Saya amat dukacita Dasar Ekonomi Baru yang amat penting ini disilapfahamkan dan tidak dapat sokongan sepatutnya yang diberi oleh segala golongan rakyat. Kita kena timbulkan satu keadaan di mana kita akan menarik dan menggalakkan pelabur asing untuk mengadakan perniagaan di negara kita. Kita memang sedia maklum

beberapa kali wartawan-wartawan antarabangsa telah menulis dalam buku-buku antarabangsa mengatakan keadaan di Malaysia itu tidak begitu memuaskan sebab itu pelabur-pelabur asing lari ke Singapura dan lain-lain negara. Saya harap semua golongan rakyat tidak kira ugama dan bangsa akan betul-betul faham Dasar Ekonomi Baru dan memberi sokongan kepada Kerajaan. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rang Undang-undang ini.

4.11 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:

Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mengambil peluang bersama di dalam perbahasan Akta Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) ini. Dalam kesempatan ini saya hanya hendak menimbulkan dua tiga perkara sahaja.

Yang pertama, sekali masalah menggalakkan pertumbuhan industri-industri di kalangan bumiputra sebagai satu matlamat untuk mencapai sebanyak mungkin tujuan ataupun objektif Dasar Ekonomi Baru yang sedang kita laksanakan dalam negara ini. Pertumbuhan perindustrian di kalangan bumiputra amatlah sedikit kalau dibandingkan dengan pertumbuhan perindustrian di kalangan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan yang amat sedikit ini mungkin berpunca daripada kurangnya pengalaman dari kalangan bumiputra sendiri bimbingan dari pihak Kerajaan dan juga agensi-agensi Kerajaan ke arah melipatgandakan pengalaman dan aspirasi di kalangan bumiputra terhadap bidang perindustrian ini. Bagi mengatasi masalah ini, saya rasa amatlah baik sekali kalau pihak Kerajaan dan juga agensi-agensi Kerajaan cuba membuat satu analisa supaya kemudahan-kemudahan yang lebih dapat diberikan kepada golongan bumiputra. Umpamanya, dalam masalah mengenakan syarat-syarat yang ketat yang mungkin dikenakan oleh peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya syarat-syarat yang menyulitkan golongan bumiputra ini dapat diatasi atau sekurang-kurangnya dapat memberi bimbingan supaya syarat-syarat itu dapat diatasi sesuai

dengan keadaan bumiputra yang kurang dalam pengalaman perdagangan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya rasa dengan adanya pindaan Akta ini walaupun di dalamnya, Akta ini memberi kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk mengenakan denda ataupun compound terhadap mana-mana industri yang melanggar syarat-syarat yang termaktub di dalam peraturan-peraturan yang berkenaan, maka saya rasa pengecualian perlu diberi kepada golongan perindustri bumiputra sebab kita tahu bahawa industri bumiputra pada permulaannya boleh dikatakan keadaannya sangat lemah; lemah dari segi kewangan, lemah dari segi pengalaman dan juga lemah dari segi pengurusan. Jadi pengecualian ini perlu diberi kepada perusahaan-perusahaan yang dilaksanakan oleh bumiputra terutama dalam masa tempoh yang tertentu buat permulaannya. Begitu juga kepada perusahaan-perusahaan bumiputra yang modalnya ataupun bilangan pekerjaan yang kecil supaya dapat diberi kelonggaran ini bagi memberi peluang kepada perusahaan bumiputra dapat berkembang lebih maju dan dapat menandingi perusahaan-perusahaan lain di kalangan mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan keadaan sekarang ini perkembangan industri lebih ditumpukan ke kawasan-kawasan luar bandar yang mana tenaga ataupun kuasa daripada elektrisiti tidak begitu dapat digunakan oleh industri-industri di luar bandar maka mereka terpaksa menggunakan kuasa minyak diesel sedangkan minyak diesel sekarang ini sedang mengalami kekurangan. Jadi, saya rasa pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui kerjasama Petronas dapat kiranya melayani pihak-pihak yang berkenaan industri di luar bandar itu supaya mereka dapat bekalan minyak diesel dengan secukupnya, sebab di antara industri-industri yang saya dapat tahu, terutama sekali kilang-kilang bumiputra di luar-luar bandar sedang menghadapi kekurangan minyak diesel sekarang ini. Kalau di Negeri Kelantan umpamanya Petronas akan mengadakan bekalannya pada masa akan datang tetapi dalam masa yang singkat ke hadapan ini bekalan minyak diesel terpaksa dialami oleh pihak-pihak perusahaan kilang itu sendiri. Jadi sementara Petronas dapat melanjutkan

supplynya ke kawasan Pantai Timur dan juga kawasan Negeri Kelantan saya rasa eloklah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mengarahkan kepada pihak-pihak yang mengedar minyak seperti syarikat Shell, Esso, Caltex sebagainya dapat menambah perbekalannya kepada industri-industri.

Saya timbulkan masalah ini oleh kerana semenjak Kerajaan menyatakan harga minyak diesel untuk kilang dengan minyak diesel untuk domestik menyebabkan kilang-kilang susah mendapat bekalan. Kalau kenderaan pengangkutan mengalami kekurangan minyak ini, apatah lagi kilang perindustrian yang dahulunya mereka membeli dengan harga lebih daripada harga domestik dengan kadar yang ditentukan oleh Kerajaan sendiri, tetapi sekarang oleh kerana penyatuan itu dibuat harga industri ini diturunkan bersama-sama dengan harga domestik menyebabkan pihak pengilang-pengilang amat sulit sekali mendapat bekalan diesel mereka. Dengan keadaan sedemikian perlu sekali bagi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menolong pengilang-pengilang bumiputra ini supaya dapat menentukan dan dapat memberi jaminan bahawa bekalan minyak kepada pengilang-pengilang di luar bandar tidak putus.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan dalam pindaan Akta ini dari segi negeri-negeri, kalau berasaskan kepada keadilan, saya perhatikan negeri Sarawak dan Sabah nampaknya ada wakil mereka dalam perlantikan di bawah 7 muka surat 3, di bawah Seksyen 11A (2) Akta Ibu yang mana dari (a) hingga (j) kita dapati pindaan ini ada peruntukan bagi wakil; seorang wakil dari tiap-tiap satu daripada negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang akan dilantik oleh Menteri. Di bawah ceraihan (i) dua orang ahli untuk mewakili kepentingan orang-orang yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengilangan dalam Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam Fasal ini kita dapati ada wakil-wakil yang mewakili negeri Sabah dan Sarawak, manakala negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak dinyatakan. Hanya mungkin 5 orang ahli untuk mewakili institusi perdagangan yang tidak ditentukan untuk mana-mana negeri, mungkin dilantik dari bilangan ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dari segi keadilan amatlah wajar kalau ahli-ahli bagi negeri-negeri ini sekurang-kurangnya seorang bagi mewakili tiap-tiap sebuah negeri di Semenanjung Malaysia ini sekurang-kurangnya kalau tidak sama dengan apa yang di-untukkan bagi negeri Sabah dan Sarawak. Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap akan mendapat perhatian pihak Kementerian berkenaan.

4.24 *ptg.*

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira kerana ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu seramai 18 orang Senator-senator yang telah mengemukakan cadangan-cadangan mereka terhadap Akta Penyelarasan Perindustrian ini dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan dan teguran-teguran yang membina ke atas Rang Undang-undang Penyelarasan Perindustrian (Pindaan), 1979 dalam perbahasan bacaan kali yang kedua sejak 2 hari yang lepas.

Walaupun saya tidak menjawab pandangan-pandangan dan soalan Ahli-ahli Yang Berhormat satu persatu, Kementerian saya akan meneliti segala syor dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dalam Rang Undang-undang Pindaan ini, ingin saya jelaskan bahawa perkara tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara. Sukacita juga dimaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Istilah Undang-undang yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka telahpun ditubuhkan di Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji dan memperbaiki dari masa ke semasa istilah-istilah yang digunakan di dalam semua undang-undang di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sukalah saya menjawab dan menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bercadang untuk menghuraikannya di bawah tajuk-tajuk seperti berikut:

- (1) Perlaksanaan ICA;
- (2) Majlis Penasihat Perindustrian;
- (3) Penyertaan Bumiputra; dan
- (4) Lain-lain hal.

Mengenai perlaksanaan ICA, Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun yang mula-mula bercakap merasa dukacita kerana Lembaga Rayuan yang berkecuali tidak ditubuhkan. Beliau juga menyatakan bahawa sekiranya Lembaga tersebut ditubuhkan, beban Menteri akan berkurangan dan kelewatan memproses rayuan akan dapat dihindarkan. Sukalah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat itu bahawa sekiranya rayuan diletakkan di bawah badan bebas, ini tentu akan menjejaskan kuasa Menteri sebagai "Appellate Authority". Seperti juga dalam Akta-akta yang lain, keputusan ke atas apa-apa rayuan adalah terletak di bawah kuasa Menteri berkenaan kerana Menteri adalah mewakili Kerajaan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Alexander Y. L. Lee yang ingin tahu berkenaan bilangan kes-kes rayuan yang telah diterima dan masa memproses rayuan-rayuan tersebut, adalah dimaklumkan bahawa sejak bulan Mei, 1977 iaitu pindaan kali yang kedua yang telah berkuatkuasa, Yang Amat Berhormat Menteri telah menerima sebanyak 9 rayuan yang mana 8 daripada rayuan-rayuan tersebut telah diproses dan satu lagi di dalam pertimbangan. Masa yang diambil untuk memproses rayuan tersebut adalah berbeza dari kes ke kes dan sekiranya kes tersebut merupakan kes yang senang, ianya hanya mengambil masa lebih kurang 3 minggu sahaja.

Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun juga telah meminta Kementerian supaya dalam penguatkuasaan syarat-syarat lesen pengilangan di bawah ICA, pengilang-pengilang janganlah dipaksa melaksanakan syarat-syarat yang mustahil untuk dipatuhi seperti syarat berhubung dengan ekuiti dan gunatenaga. Sukalah saya menjelaskan kepada Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan sentiasa menguatkuasakan syarat-syarat dengan flexible dan menasabah.

Sebagai contoh, Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memberitahu bahawa saham-saham yang di-khaskan kepada bumiputra boleh dipegang oleh mana-mana pihak selagi tidak terdapat pelabur bumiputra yang bersedia membelinya. Mereka hanya dikehendaki menjual balik dengan harga pasaran atau harga yang dipersetujui apabila bumiputra bersedia membelinya.

Berhubung dengan syarat gunatenaga pula, ada disebutkan kepatuhan perlu dituut dengan secepat mungkin yang boleh. Apa yang penting ialah usaha yang ikhlas dan bersungguh-sungguh daripada pengilang-pengilang untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dan Kementerian saya sentiasa mengkaji dan mengambil kira masalah-masalah yang di luar keupayaan pengilang-pengilang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai teguran daripada Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh supaya membenarkan pegawai-pegawai penguatkuasa dari jabatan-jabatan atau badan-badan Kerajaan yang lain diberi kuasa di bawah Akta ini, sukacita saya merujuk kepada Seksyen 9 di mana Yang Amat Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk membenarkan pegawai awam menguatkuasakan Akta tersebut.

Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Menteri tidaklah bercadang untuk memberi kuasa tersebut kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang lain, selain daripada pegawai-pegawai Kementerian saya, bagi mengelakkan berlakunya pertindihan tugas (duplication of duty). Sekiranya terdapat apa-apa masalah berhubung dengan projek-projek perindustrian, Jabatan-jabatan ataupun mana-mana pihak sekalipun bolehlah mengemukakannya untuk tindakan Kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim telah juga membangkitkan soal kompaun di bawah seksyen baru 15A iaitu Fasal 10 Rang Undang-undang ini, yang dicadangkan itu. Pada pendapat Ahli Yang Berhormat itu tidak ada had di atas

sekali di mana Pegawai Pelesen boleh mengkompaun kes-kes ini. Setakat yang saya diberitahu oleh Peguam Negara sesuatu kesalahan boleh dikompaun sekali sahaja, tetapi di mana seseorang itu terus melakukan kesalahan, selepas berlaku kali pertamanya itu, dia melakukan kesalahan juga. Ini ialah peruntukan di mana satu continuous offence dilakukan. Jikalau peruntukan ini tidak ada seseorang boleh seterusnya melakukan kesalahan tambahan dengan bermaharajalela selepas kali pertamanya dikompaunkan.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman bahawa ICA telah gagal dilaksanakan kerana baharu sekarang rundingan dengan sektor swasta diadakan, sukacita saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa ICA telah dikuatkuasakan semenjak bulan Mei 1976 lagi. Selepas ICA dikuatkuasakan, satu Jawatankuasa Penasihat mengenai perindustrian telah ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan dan swasta. Perbincangan-perbincangan telah diadakan di dalam jawatankuasa tersebut. Hasil perbincangan tersebut satu pindaan telah dibuat pada bulan Mei 1977 iaitu dua tahun yang lepas untuk menambah keyakinan pihak pelabur atas Akta tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan sekarang adalah hasil daripada perbincangan lanjut dengan pihak swasta. Dengan pindaan ini saya harap ianya akan dapat menghapuskan sama sekali keraguan pihak swasta ke atas Akta tersebut.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik yang ingin tahu jumlah lesen yang dikeluarkan setakat ini di bawah Akta ICA, sukalah saya menjelaskan sehingga 30hb April, 1979 sebanyak 2,440 lesen pengilang telah dikeluarkan. Saya menggesa kepada pengilang yang belum memohon lesen tersebut supaya membuat permohonan secepat mungkin sebelum apa-apa tindakan diambil ke atas mereka.

Berhubung dengan masalah penyelarasan (co-ordination) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan juga Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh, sukacita saya memberitahu bahawa sehingga ini Kementerian saya sentiasa mendapat kerjasama daripada Jabatan lain dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melicinkan pelaksanaan pembangunan perindustrian di

negara ini. Kementerian saya juga sentiasa mengadakan perbincangan-perbincangan dan juga menghubungi pihak-pihak berkenaan apabila masalah timbul. Di samping itu tiap-tiap negeri sudah mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa dan badan-badan penyelarasan masing-masing di mana wakil-wakil Kementerian saya atau MIDA ada mewakili Kementerian dalam jawatankuasa-jawatankuasa dan badan-badan tersebut termasuk di dalam Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Oleh yang demikian, adalah tidak dirasakan perlu setakat ini untuk menubuhkan jawatankuasa baru berhubung dengan kemajuan perindustrian di tiap-tiap negeri.

Berhubung dengan masalah kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur bagi kilang-kilang baru pula, syarikat-syarikat adalah sentiasa digesa menempatkan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan perindustrian yang telahpun mempunyai kemudahan-kemudahan asas. Dengan ini masalah seperti tapak kilang, tenaga dan air dapat diatasi sekiranya kilang-kilang ditetapkan di kawasan-kawasan di luar kawasan perindustrian, masalah tadi mungkin dihadapi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Saya mengatakan memang ada tapak, ada air dan api. Tetapi masalah api tidak cukup, kadang-kadang dipotong, api tidak ada. Jadi orang-orang kilang ini tidak dapat memproses sampai satu hari, dua hari, ini menimbulkan kerugian kepada mereka. Itu yang saya katakan.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada kawasan perindustrian yang mana menghadapi kekurangan bekalan tenaga, ini pada masa merencanakan satu kawasan perindustrian, Kementerian saya berhubung dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri pun telah buat rancangan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya. Tetapi kadangkala dari masa ke semasa ada timbul masalah seperti yang dikatakan itu dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Tetapi Kementerian saya apabila kita merencanakan kawasan perindustrian yang baharu kita mesti meneliti, infrastruktur-infrastruktur mesti disiapkan sebelum tanah itu dibahagikan kepada para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menyelaraskan pelaksanaan pembangunan perindustrian, dalam tahun 1978 Kementerian saya telah menubuhkan Yunit Pusat (Central Unit) di MIDA. Yunit tersebut diwakili oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Perbendaharaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja, Kementerian Buruh dan Jabatan Imigresen. Sehingga Jun 1979 yunit tersebut telah menerima sebanyak 707 pertanyaan dan permohonan untuk bantuan serta nasihat bagi mengatasi masalah berhubung dengan penubuhan dan pelaksanaan projek perindustrian. Penubuhan yunit pusat ini merupakan langkah pertama ke arah pelaksanaan package deal yang sedang dikaji dan disusun oleh Kementerian saya. Apabila package deal ini dilaksanakan semua kelulusan berhubung dengan pelaksanaan projek perindustrian yang diberi sekali gus dan pihak pengilang tidaklah perlu membuat permohonan kepada Jabatan-jabatan lain termasuk Kerajaan Negeri. Dengan ini masalah penyelarasan saya harap kan dapat diatasi.

Kedua, mengenai Majlis Penasihat Perindustrian (Industrial Advisory Council), beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara yang berkaitan dengan Majlis Penasihat Perindustrian.

Sukacita saya menjelaskan sekali lagi bahawa seksyen 11A membawa peruntukan mengenai penubuhan satu badan untuk menasihati Menteri atas perkara-perkara yang berkaitan dengan ICA.

Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun telah menyuarakan kebimbangannya mengenai jumlah mesyuarat yang akan diadakan oleh Majlis dalam setahun. Seperti yang diterangkan di dalam Jadual di seksyen 11C Majlis boleh mengadakan mesyuarat tambahan bila-bila sahaja 5 orang ahli ataupun lebih membuat permintaan secara bertulis kepada Pengerusi Majlis. Dengan demikian Majlis boleh bermesyuarat lebih daripada dua kali setahun jika keadaan memerlukan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad, Senator Alex Lee, Senator Haji Mahmoud Salim, Senator Haji Ariffin dan Senator Puan Hajjah Salmah telah menyentuh mengenai keahlian Majlis. Sukalah saya menjelaskan bahawa ahli-ahli Majlis

Penasihat Perindustrian adalah terdiri daripada tujuh orang wakil swasta, tujuh orang wakil Kerajaan, dua orang ahli bebas dan seorang Pengerusi. Ahli-ahli yang akan dilantik kelak adalah terdiri dari wakil daripada pihak swasta dan Kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab dan mempunyai pengalaman berkaitan dengan kemajuan perindustrian ataupun berkhidmat di dalam Jabatan ataupun Kementerian yang berkaitan dalam menggalakkan perkembangan dan kemajuan perindustrian. Tegasnya ahli-ahli Majlis adalah terdiri dari mereka yang benar-benar dapat memberikan sumbangan yang berguna kepada Majlis yang akan ditubuhkan.

Mengenai perlantikan Pengerusi Majlis pula Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah membangkitkan kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang melantik pegawai pelesen dan tidak Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian ini pada tahun 1977 yang mana kita pinda Akta ini dan sejak Akta asal itu dikuatkuasakan lesen itu dikeluarkan oleh Menteri sendiri. Tetapi selepas tahun 1977 pegawai pelesen telah diwujudkan yang mana perlantikan ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, tetapi Pengerusi Majlis perantikannya dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, ini barangkali Yang Berhormat itu ada sedikit kekeliruan. Sebenarnya, Pengerusi Majlis adalah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri dan sukacita saya memaklumkan juga bahawa Pengerusi tersebut akan dilantik mengikut budi-bicara Yang Amat Berhormat Menteri, Pengerusi yang akan dilantik itu tidak semestinya terdiri dari pegawai Kerajaan, tetapi seorang yang bertanggungjawab, dihormati serta dapat diterima oleh kedua-dua pihak, pihak Kerajaan dan pihak swasta.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad telah mencadangkan supaya ahli Kesatuan Sekerja dilantik sebagai salah seorang ahli bebas, manakala Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah dan Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim pula mengesyorkan supaya Ahli Dewan Negara ini diambil juga sebagai ahli-ahli bebas. Cadangan ini akan ditimbang.

Mengenai soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad sama ada Menteri semestinya menerima pandangan Majlis ini dengan demikian memihak kepada satu-satu pihak, saya suka menegaskan bahawa Majlis ini adalah ditugaskan untuk menasihati Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan ICA. Mengenai koram, jumlah pembayaran elaun ahli-ahli ganti dan aspek-aspek berkaitan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu Kementerian saya akan mengambil perhatian dan menentukan dengan halusny akan ulasan-ulasan tersebut sebelum pindaan-pindaan ini dikuatkuasakan nanti.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dan Senator Tuan Haji Mohd. Amin telah mencadangkan supaya bukan sahaja negeri-negeri Sabah dan Sarawak diwakili dalam Majlis Penasihat Perindustrian bahkan seterusnya meminta supaya wakil-wakil negeri lain di Semenanjung Malaysia juga menganggotai Majlis. Sukalah saya memberi penjelasan mengenai perkara ini untuk memastikan penyelarasan dalam pembangunan dan kemajuan perindustrian di seluruh negara baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak, Kerajaan memerlukan perwakilan dari semua negeri di Malaysia. Wakil-wakil dari Kementerian seperti yang terdapat dalam Fasal 11A (2) (b), (c), (d), (e) dan (f) umpamanya dapat memastikan bahawa kepentingan negeri-negeri di Semenanjung diwakili. Jadi ini bukan soal keadilan tetapi soal praktik yang mana pegawai-pegawai daripada Kerajaan Pusat dapat mewakili semua negeri di Semenanjung Malaysia. Keanggotaan wakil-wakil dari negeri Sabah dan Sarawak seperti yang terdapat dalam Fasal 11A (2) (g) adalah perlu memandangkan kedudukan dan taraf kemajuan perindustrian di negeri-negeri tersebut yang mana adalah masih terkebelakang berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Fasal 11A (2) (h) dan (i) adalah bertujuan untuk memastikan perwakilan kepentingan sektor perkilangan di Malaysia tanpa mengutamakan mana-mana negeri. Seterusnya sukalah saya jelaskan bahawa keanggotaan seperti ini iaitu di mana-mana negeri-negeri Sabah dan Sarawak diberi status yang istimewa yang terdapat juga di dalam semua Akta-akta Persekutuan yang lain.

Perkara yang ketiga penyertaan bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah membentangkan masalah-masalah penyertaan bumiputra di dalam kegiatan ekonomi negara. Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi satu daripada tujuan Akta Penyelarasan Perindustrian adalah untuk memastikan sektor perindustrian di negara ini dapat dilaksanakan di dalam kontek Dasar Ekonomi Baru. Kementerian saya telah menubuhkan beberapa bahagian yang tertentu untuk mengambil tanggungjawab dan memainkan peranan yang aktif bagi meninggikan lagi penyertaan bumiputra di dalam sektor ini. Melalui Akta inilah saya yakin dan ingin memberi jaminan bahawa pelaksanaan dasar perindustrian akan dapat diselaraskan dengan teratur.

Pematuhan syarat-syarat lesen pengilang seperti syarat equity, gunatenaga, pengedaran dan lain-lain akan sentiasa diawasi ke arah pencapaian matlamat tersebut. Berkaitan dengan pelaksanaan serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atas Akta ini beberapa kemajuan mengenai penyertaan bumiputra telahpun dicapai di dalam bidang perindustrian. Mengikut perangkaan-perangkaan yang ada di Kementerian saya jumlah pelaburan bumiputra telah bertambah dari setahun ke setahun.

Bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik sejak tahun 1968 hingga tahun 1977 jumlah saham-saham yang dikhaskan bagi kaum bumiputra ialah \$629.2 juta, ini yang dikhaskan dan sebanyak \$523.4 juta atau 10.38% daripada jumlah pelaburan sepenuhnya yang bernilai \$5,642 juta telah dibeli oleh bumiputra—saya ulangi lagi pada tahun 1968 hingga tahun 1977 jumlah modal yang ditanam di negara kita ini ialah \$5,647 juta, daripada jumlah itu dan khas bagi bumiputra ialah \$629.2 juta dan daripada itu telah dibeli oleh kaum bumiputra ialah \$523.4 juta atau 10.38%. Jadi dibandingkan dengan angka-angka sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang mana terdapat 3% sahaja pelaburan bumiputra adalah jelas di sini bahawa saham-saham bumiputra telah bertambah. Di samping itu dengan adanya Akta Penyelarasan Perindustrian ini saya yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru tersebut akan dapat

dilaksanakan dengan lebih giat lagi. Perlaksanaan Akta ini juga telah memberi tanggungjawab yang lebih bermakna kepada Kementerian saya untuk menambahkan lagi bilangan pekerja bumiputra di dalam sektor perindustrian.

Sejak Akta ini dikuatkuasakan pada tahun 1976 bilangan pekerja-pekerja bumiputra di kilang-kilang perusahaan telah bertambah dengan pesatnya, tetapi masalahnya ialah pekerja-pekerja dalam peringkat yang tinggi. Jadi sebagai contoh bilangan pekerja-pekerja bumiputra di peringkat pengurusan dan ikhtisas telah meningkat dari 1,170 orang dalam tahun 1976 kepada 1,480 orang dalam tahun 1977. Di dalam kategori perkeranian pula angka ini telah bertambah dari 4,260 orang pekerja kepada 5,550 orang. Dengan ini juga adalah jelas bahawa perlaksanaan dasar Kerajaan terhadap sektor perindustrian akan dapat dilaksanakan dengan teratur melalui Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan dalam projek-projek perindustrian pula nyatalah yang ianya bertambah dari setahun ke setahun. Sebagai contoh jumlah pelaburan telah meningkat daripada \$882.6 juta dalam tahun 1977 berbanding dengan \$1,122.9 juta dalam tahun 1978 yang melibatkan sejumlah 400 projek dalam tahun 1977 dengan 428 projek dalam tahun 1978. Bagi projek-projek pembesaran (expansion) pula Kementerian telah menerima sebanyak 103 permohonan dalam tahun 1976 berbanding dengan 150 dalam tahun 1977 dan 190 dalam tahun 1978. Dengan perangkaan ini juga adalah nyata bahawa pelaksanaan ICA serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya itu tidak akan menggugat, menghapus dan mencabul pelaburan di negara ini, malahan ia yang telah diterima dan meyakinkan para pelabur di dalam dan di luar negeri.

Kementerian saya juga ada menjalankan kajian-kajian feasibility bagi menentukan beberapa projek yang viable untuk disertai oleh bumiputra. Di samping itu, Kerajaan melalui institusi-institusi seperti MIDF, Permodalan Nasional Berhad dan CGC juga menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman dan pelaburan kepada bumiputra bagi melaksanakan projek-projek perindustrian di negara ini. Sebanyak \$200 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Permodalan

Nasional Berhad untuk membeli saham-saham khas yang belum diambil oleh bumiputra. Di samping itu, Kementerian saya telah mengadakan skim pendaftaran dan pembahagian saham-saham syarikat swasta kepada bumiputra. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk memudahkan bumiputra untuk membeli saham-saham yang di-khaskan.

Perkara keempat, lain-lain hal, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa Kementerian saya menghadapi beberapa masalah di dalam perlaksanaan dasar perindustriannya dan di antaranya adalah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah iaitu berhubung dengan diskriminasi yang diamalkan oleh setengah-setengah pengilang ke atas pekerja-pekerja bumiputra. Sukacita saya tegaskan di sini bahawa masalah-masalah tersebut adalah di bawah pengawasan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tetap mengambil berat akan perkara tersebut dan sekiranya ada aduan-aduan seperti ini silalah kemukakan kepada saya atau Menteri yang berkenaan supaya dapat masalah tersebut diselaraskan dengan Kementerian atau Jabatan yang berkenaan dan tindakan ke atasnya diambil segera.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad kenapa rombongan hanya dihantar ke negara-negara Eropah, USA dan Jepun sahaja dan tidak ke negara-negara Arab dan juga Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain kenapa tidak pergi ke Brunei, sukalah saya menjelaskan sekali lagi bahawa rombongan-rombongan pelaburan adalah ditumpukan ke negara-negara yang mempunyai teknologi dan juga saluran pasaran yang besar. Ini adalah kerana teknologi dan pasaran merupakan satu faktor utama bagi pembangunan perindustrian negara ini. Sungguhpun keutamaan diberi kepada negara-negara yang mempunyai teknologi dan pasaran ini tidak berti Kerajaan tidak memberi perhatian kepada orang-orang lain seperti negara-negara Arab dan juga Brunei, malah sehingga ini telah banyak modal dari negara-negara Arab yang telah dilaburkan di negara ini.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad bahawa setengah-setengah negeri sahaja mengikuti rombongan-rombongan pelaburan, sukacita dimaklumkan bahawa di dalam setiap rombongan kesemua badan-badan iktisas atau Perbadanan Kemajuan Negeri adalah dipelawa menyertai rombongan tersebut. Walau bagaimanapun, penyertaan mereka adalah bergantung kepada keputusan negeri masing-masing sama ada untuk menyertai rombongan tersebut atau sebaliknya. Di akhir-akhir ini sambutan daripada Kerajaan Negeri di dalam rombongan pelaburan adalah menggalakkan.

Mengenai lawatan ke negara Republik Rakyat China oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perkara berhubung dengan perdagangan dan perindustrian telah dibincangkan dan hasilnya adalah memuaskan, manakala di dalam cadangan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Russia pula sememangnya perkara berhubung dengan perdagangan dan perindustrian yang dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak akan dibincangkan. Di samping itu sukalah saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita ada satu perjanjian perdagangan dan juga ada satu perjanjian kerjasama teknikal di antara Malaysia dengan Russia.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu juga kenapa Kerajaan tidak mendapat kepakaran dan pelaburan daripada negara-negara komunis seperti Russia, sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak membeza-bezakan antara satu negara asing dengan negara yang lain.

Mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh para pekilang, umpamanya mengeluarkan buku yang kurang dari muka-muka yang dinyatakan atau penyelewengan dari segi makanan di dalam tin ataupun penyelewengan daripada mutu keluaran barang-barang itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah binti Othman dan juga Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dengan menggunakan Akta Perihal Dagangan 1972. Juga Kementerian saya sentiasa memastikan agar syarikat-syarikat pekilang mengeluarkan barang-barang yang

bermutu. Oleh yang demikian, sekiranya perkara seperti itu ada berlaku, Ahli Yang Berhormat atau mana-mana pihak bolehlah melaporkan kepada Kementerian saya supaya tindakan boleh diambil.

Yang Berhormat Senator S. I. Rajah pula telah membangkitkan tentang kuasa muktamad Menteri yang tidak boleh dibawa ke mahkamah dan beliau ragu-ragu bahawa keputusan itu mungkin *ultra vires* atau melibatkan human rights. Sukalah saya jelaskan di sini bahawa keputusan Menteri adalah muktamad dan tidak boleh disoal di mahkamah sekiranya ianya selaras dari segi undang-undang dan "in the spirit of the law". Sekiranya ada bukti yang menunjukkan keputusan Menteri adalah bertentangan dari segi undang-undang, istilah "shall not be questioned in Court" tidak menghalang pihak tertentu daripada mengemukakan ke mahkamah. Perkara ini telahpun dijelaskan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian semasa mengemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) Akta tersebut dalam tahun 1977, ianya juga telah dihurai dan difahami oleh pihak pekilang.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah memberi teguran supaya Kerajaan janganlah menggunakan cogan kata "buruh yang murah" atau "cheap labour" untuk menarik pelaburan asing di dalam rombongan-rombongan pelaburan. Sukacita saya jelaskan di sini bahawa Kementerian saya tidak menekankan ke atas cogan kata tersebut, sebaliknya Kementerian saya menekankan ke atas daya pengeluaran pekerja-pekerja (productivity of labour) dan pekerja-pekerja di negara ini senang untuk dilatih. Kalaulah Kementerian ada menyebut tentang kos pengeluaran yang rendah (cost of production), ianya hanya digunakan secara relative dengan negara-negara yang maju sahaja.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator Hjajah Tom Saodah binti Haji Othman yang ingin tahu jumlah pekilang yang diberi lesen pekilang di negeri Kedah, sehingga bulan Jun, 1978 sebanyak 155 lesen telah dikeluarkannya. Daripada jumlah tersebut, 27 iaitu 17.4% projek adalah dimiliki oleh bumiputra. 13 daripadanya kelulusan tersebut diberi galakan taraf perintis.

Mengenai gesaan Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah supaya lebih banyak kilang-kilang perindustrian didirikan di kawasan luar bandar, adalah dimaklumkan bahawa semenjak tahun 1971 hingga bulan Mei 1979 sebanyak 2,037 atau 59.2% daripada 3,440 projek-projek yang diluluskan adalah ditempatkan di kawasan-kawasan luar bandar. Ini memang sudah jadi dasar Kerajaan yang mana kita tempatkan industri-industri di luar bandar dan juga kalau kita melihat senarai kawasan-kawasan perindustrian di mana-mana satu negeri pun kita boleh melihat kawasan perindustrian ini ialah di kawasan desa.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli Senator telah membangkitkan perkara kekurangan diesel, saya rasa ini keluar daripada ICA dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun kelmarin telah menerangkan yang mana kita telah ambil tindakan untuk mengatasi masalah kekurangan diesel ini, tidak payahlah kita membuang masa ini. Kalau kita hendak menjelaskan dengan lengkap, itu akan membuang masa.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa ICA adalah satu Akta yang bertujuan untuk menyelaraskan pembangunan supaya ianya berkembang dengan teratur dan sihat. Seperti yang telah diterangkan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri matlamatnya akan dicapai melalui perkembangan ekonomi (expanding economy) dan tidak sekali-kali menjadi tujuan Kerajaan untuk merampas hak seseorang atau satu golongan tertentu. Pendek kata, penguatkuasaan Akta ini tidak akan terkeluar daripada lunas-lunas Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara mahupun Dasar Ekonomi Baru yang telahpun mendapat sokongan daripada sebilangan besar rakyat.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, objektif Dasar Ekonomi Baru dalam penghujung tahun 1990 ialah untuk mencapai 30-40-30 dalam pemilihan modal di

dalam corporate sector dan matlamat ini dilaksanakan secara keseluruhan (global basis). Oleh yang demikian, Akta ini sentiasa dilaksanakan dengan flexible dan pragmatik di dalam apa-apa segi sekalipun.

Akhirnya saya sukalah memberi jaminan bahawa Kerajaan akan sentiasa mengawasi dan meneliti pelaksanaan ICA supaya ianya benar-benar dapat memberi sumbangan ke arah mencapai matlamat pembangunan perindustrian negara selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.23 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DIRAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.23 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Diraja 1957" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan Suatu Peruntukan Diraja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar anuity kepada Raja Permaisuri Agong. Peruntukan Diraja itu hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan fasal 35 (1) Perlembagaan itu, Satu Ordinan Peruntukan Diraja No. 70 tahun 1957 (Civil Lists Ordinance No. 70 of 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada Undang-undang itu telah dipinda beberapa kali, dan keadaan peruntukan Diraja pada ketika ini adalah seperti berikut:

Kelas I

(a) Biaya Diraja	\$228,000	
(b) Keraian ...	\$ 87,600	\$315,600

Kelas II

Gaji Pegawai dan kakitangan Istana	\$747,000
---	-----------

Kelas III

Perbelanjaan Istana ...	\$444,000
-------------------------	-----------

Kelas IV

Kurniaan di Raja	\$ 23,000
-------------------------	-----------

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Ordinan yang dicadangkan hanya melibatkan peruntukan Kelas I (a) dalam Jadual Per-

tama berkenaan dengan Biaya di Raja (Privy Purse) dan sukalah saya menerangkannya dengan ringkas seperti berikut:

- (a) Tambahan sebanyak \$12,000 adalah diperlukan bagi mengimbangkan Biaya di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Biaya di Raja semasa Seri Paduka Baginda menjadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Pahang iaitu sebanyak \$240,000 setahun. Pindaan ini hendaklah dikuatkuasakan mulai daripada 26hb April 1979 iaitu tarikh pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Biaya di Raja ini telah dipinda hanya sekali melalui Akta Parlimen No. 3 tahun 1964 yang meluluskan tambahan sebanyak \$48,000 menjadikan jumlah peruntukan ini sebanyak \$228,000 seperti yang ada sekarang.
- (b) Pindaan kepada Ordinan adalah juga difikirkan perlu supaya tambahan berkaitan dengan peruntukan Biaya di Raja tidak lagi memerlukan pindaan kepada Undang-undang berkenaan. Dalam keadaan sekarang ini, pindaan kepada Ordinan Peruntukan Diraja akan diperbuat setiap kali pengubahsuaian Biaya di Raja diperlukan. Keperluan ini timbul apabila didapati Biaya di Raja Seri Paduka Baginda kurang daripada Biaya di Raja Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum dipilih sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan Pindaan-pindaan yang dicadangkan Peruntukan Kelas I (a)—Biaya di Raja, dalam Jadual Pertama Ordinan Peruntukan Diraja akan menjadi \$240,000 atau jumlah peruntukan Biaya di Raja di bawah Undang-undang Negeri pada tarikh pemilihan Raja itu sebagai Yang di-Pertuan Agong, yang mana lebih besar jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.27 *ptg.*

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini bagi membahaskan pindaan kepada Ordinan Peruntukan Diraja 1957.

Sebelum itu, saya merakamkan bahawa saya tidak sekali-kali berhajat menyentuh saksiah peribadi Duli-duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong dimaksudkan dalam Bil ini. Apa yang saya maksudkan dan saya perbahaskan ini ialah mengikut kehendak Bil ini bahawa "Maka inilah diperbuat Undang-undang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:"

Jadi, saya mengambil peluang ini kerana perkara ini patut diberi nasihat dan diluluskan dalam Dewan Negara. Pada pandangan saya, imbuhan kepada orang yang amat dihormati ini sepatutnya hendaklah mengandungi satu angka yang agak tinggi jumlah bilangannya daripada apa yang tercatat di dalam Bil ini. Walaupun dalam Bil ini ada menyebutkan kemudahan-kemudahan yang lain maka peruntukan imbuhan ini bolehlah dipinda kepada angka yang lebih sesuai.

Saya menyarankan pandangan kepada Kerajaan bahawa patutlah elaun ini dinaikkan sehingga \$35,000 pada tiap-tiap bulan. Dengan demikian, kedudukannya akan berbeza semasa Baginda bertanggungjawab pada negerinya dengan kedudukan sekarang sebagai lambang negara. Kalau sekarang ini pindaan ini cumalah menyamakan peruntukan yang ada dalam negeri yang didapati oleh yang dihormati itu bila menjadi Yang di-Pertuan Agong. Pindaan ini cuma mempersamakan sahaja sedangkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah tempat tumpuan rakyat, lambang perpaduan, menjalankan tugas negara sebagai Ketua Negara sebuah negara

yang merdeka, maka sudah sepatutnya, imbuhan itu bukan sahaja sama tetapi mesti bersesuaian pula dengan tugasnya sebagai "Lambang Negara." Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah tempat tumpuan Perlembagaan, tempat tumpuan rakyat, lambang perpaduan, menjalankan tugas negara sebagai sebuah negara yang merdeka.

Mengapa Kerajaan cuma mencadangkan persamaan sahaja dengan imbuhan didapati di negerinya. Jadi ini saya fikir patut ditimbang semula supaya mengadakan satu peruntukan yang lain dan membawa balik semula ke Dewan ini beberapa kali kalau perlu; tetapi pada diri saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan satu peruntukan yang agak tinggi iaitu \$35,000 atau \$40,000. Jadi dengan kehormatan Dewan ini, saya berkata persamaan pada masa Baginda menjadi pemerintah dalam sebuah negeri dengan Baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh lima tahun adalah tidak sesuai dilanjutkan atau diamalkan. Kerana Baginda adalah tumpuan taatsetia, kedaulatan menghadiri pembukaan Dewan mengurniakan bintang kehormatan, mengesahkan perlantikan Duta-duta dan menerima Duta-duta luar negeri. Bukan sama tanggungjawab sebagai sifat Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dalam sebuah negeri. Jadi saya pendekkan sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan supaya peruntukan ini ditambah oleh Kerajaan dan tambahan yang saya cadangkan, tidak kurang daripada \$35,000 atau \$40,000 pada tiap-tiap bulan.

Kerajaan patutnya tidak akan malu datang sekali lagi ke Dewan ini kalau sekiranya difikirkan persamaan ini tidak munasabah dan mengambil keputusan yang lebih tegas sebaik sahaja Baginda berpindah ke Kuala Lumpur sebaik-baik sahaja Baginda menjalankan tugas resminya. Jadi kalau sekiranya satu perkhidmatan yang berat sebelah, tugasnya berat sebagai Yang di-Pertuan Agong, tetapi pendapatan imbuhan sama dengan apa yang didapati dalam negerinya, boleh jadi ini sebahagian daripada sebab-sebab ada setengah Raja-raja kita tidak bersedia menjadi Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong. Apa akan jadi kepada Perlembagaan iaitu kalau berlaku begini keadaannya, sedangkan kita sudah merakamkan di Perlembagaan bahawa

di negara kita mesti ada seorang Raja yang dilantik oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Malaysia menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, malang bagi Yang di-Pertuan Agong sekarang ini tidak tinggal di Istana Negara kerana kerosakan dan sebagainya dan berita angin menyatakan pemindahan itu mungkin berlaku dalam tahun hadapan, boleh jadi dalam bulan Januari atau Februari, kerana banyak pindaan-pindaan yang hendak dibuat di Istana Negara. Jadi, bersemayam sekarang ini di sebuah rumah yang dinamakan Rumah Malaysia di Jalan Ampang. Rumah Malaysia ini kalau di Mekah,—Tuan Yang di-Pertua—Rumah Malaysia ini kalau disebut di Mekah ialah Hospital Haji. Hospital Haji Mekah dipanggil Rumah Malaysia. Rumah Duta kita di Canberra pun dipanggil Rumah Malaysia. Pendek kata, di manapun Duta kita kebanyakan dipanggil tempat kediamannya Rumah Malaysia. Jadi, sekarang ini Istana sementara inipun disebut Rumah Malaysia juga.

Mengikut tradisi adat resam kita, Tuan Yang di-Pertua, bila sesebuah rumah disemayami oleh Raja pemerintah patut benar ditukar namanya daripada rumah kepada Istana. Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua tidak percaya dengan apa yang saya cakapkan ini boleh tanya dengan Raja Datuk Nong Chik, beliau daripada keluarga diraja, beliau lebih arif adat resam diraja. Jadi saya mencadangkan Rumah Malaysia ini mesti diubah dengan perkataan Istana. Sama ada dinamakan Istana Ampang atau lain-lain nama yang sesuai dengan keadaan. Saya mencadangkan nama rumah itu diubah kepada Istana Ampang sebab duduknya di Jalan Ampang. Jadi biarlah mengambil sempena Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersemayam sementara di Rumah Malaysia, itu kita ubah namanya dari Rumah Malaysia kepada istana. Kalau sekiranya Istana Ampang ini berlawanan dengan kehormatan negeri Selangor, kita boleh namakan dengan nama yang lain. Istana Tetamu sekarang tidak diduduki sebab rumah itu sudah tua umurnya dan sedang dibaiki juga. Saya tidak membela kerana saya datang daripada Pahang, tetapi saya bercakap sebagai seorang Ahli Dewan yang saya nampak perkara ini perlu diperbaiki.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya dan saya menyokong Bil ini diluluskan.

5.38 *ptg.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan atas Akta yang di hadapan kita ini. Terlebih menguatkan saya hendak bercakap dalam Bill ini sebab Yang Berhormat rakan sejawat saya dari Pahang menyebutkan Johor. Jadi kalau saya tidak bercakap tidak terjawablah percakapan beliau itu atau gayung tidak bersambut.

Dalam hujah saya peruntukan tambahan yang diminta untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang sedang memerintah sekarang, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri berkenaan saya adalah memberikan sokongan yang penuh. Tetapi kenapa kita dalam masalah peruntukan Diraja ini kita beberapa kali hendak ubahsuai. Kalau takdir Tuhan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menjadi Yang di-Pertuan Agong, gajinya \$28,000 kena pinda sekali lagi. Apa salahnya kita minta Kerajaan membuatkan satu tingkatan gaji kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan elaun yang tetap, siapa juga menjadi Yang di-Pertuan Agong mereka menerima hak yang ditetapkan dan tidak payah kita bawa beberapa kali dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara, iaitu kita beri peruntukan yang sesuai dengan tarafnya sebagai Ketua Negara ini.

Tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya kata dia bersetuju supaya dinaikkan \$30,000. Kalau boleh saya hendak pinda pandangannya itu, kita beri gaji Yang di-Pertuan Agong \$40,000 sebulan. Baginda memerintah cuma 5 tahun, selepas itu ganti dengan Yang di-Pertuan Agong lain. Keadaan ini dapat menentukan kedudukan hak yang diperolehi oleh Ketua Negara. Bukan Baginda minta, negara patut memberikan satu penghormatan atas khidmat dan tanggungjawabnya yang begitu bertambah dari semasa ke semasa. Malahan segala Rang Undang-undang yang diluluskan di Dewan Negara ini hendak dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diwartakan. Kerjanya bertambah, tanggungjawabnya bertambah, dengan sebab itu kemudahan peruntukan yang diberi

kepada Baginda itu patut dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya dengan itu sesuai sebagai Ketua Negara dan ini dapat mengatasi, dapat melebihi pada segi peruntukan kemudahan yang diberi kepada Raja-raja sesebuah negeri. Raja sebuah negeri umpamanya kalau tidak salah ingatan saya, elau yang diberi kepada Sultan Johor ialah \$28,000. Bukan sebab dia tidak mahu jadi Yang di-Pertuan Agong—tidak, tetapi Baginda lebih sesuai menjaga negerinya daripada menjaga sebuah Malaysia ini. Itulah penjelasan yang saya hendak berikan kepada Yang Berhormat rakan sejawat saya, bukan sebab uzur atau sebagainya.

Selain daripada lebih pendapatannya dengan Raja-raja Melayu di tiap-tiap negeri, kita dapat tentukan kemudahan-kemudahan yang lain kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak penghormatan patut diberi oleh negara, oleh Parlimen kepada Ketua Negara kita iaitu berhubung dengan tempat kediaman (istana). Sehingga kita sudah merdeka selama 22 tahun Kerajaan negeri ini belum lagi membina istana untuk Ketua Negara kita, kenapa? Ini pandangan saya. Hingga disemayamkan Duli Yang Maha Mulia di sebuah istana yang ada sekarang yang dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sekarang dibaiki lagi. Dalam masa memperbaikinya, malangnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kelima, yang baru ini tidak dapat duduk di istana itu tetapi terpaksa duduk di sebuah rumah—Rumah Malaysia. Alangkah murahnya persemayaman Ketua Negara kita dengan keadaan ini, bahkan istana yang ada sekarang kalau jalanraya itu akan siap, maka akan bertambah bisinglah penduduk di istana itu. Ini yang kita hendak tempatkan Ketua Negara kita? Patut Kerajaan memikirkan, kita ada mempunyai wang yang banyak, kita bina sebuah istana. Sedangkan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja tiap-tiap negeri ada istana yang besar macam di Selangor—Istana Bukit Keyangan, di atas bukit yang hebat. Di Kelantan sebuah istana yang sangat hebat. Tidak kiralah di Johor, istananya dekat tepi laut, sebab kami datang daripada orang-orang Temenggong, itu sebab

istana kami di tepi laut. Di negeri-negeri lain di atas bukit, memang sesuai sebagai Ketua Kerajaan Negeri. Ini pada hemah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dapat Kerajaan mengeluarkan satu peruntukan untuk Istana Negara, alangkah bangganya siapa juga yang hendak menjadi Yang di-Pertuan Agong. Kedudukan istana ini bukan macam Sultan dahulu. Sultan dahulu belum ada Perlembagaan, bila jadi Sultan dia buat istana di sana, buat istana di sini, beberapa buah istana, termasuklah macam Shah Iran. Kita bukan hendak banyak, kita buat sebuah istana kepada Ketua Negara dan rakyat dalam negeri ini tidak akan marah, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang di-Pertuan Agong tidak minta, rakyat menghadiahkan sebuah istana untuk persemayaman Ketua Negara kita. Jadi Kerajaan patut mengkaji supaya satu ketika kelak kita akan dapat satu peruntukan dalam Budget yang akan datang untuk pembinaan Istana Negara yang saya bangkitkan itu.

Saya tidaklah berhajat hendak bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ucapan saya menyentuh peribadi Ketua Negara kita, saya pohon maaf tetapi atas apa yang saya cakap ini adalah berdasarkan atas kehendak Rang Undang-undang ini.

5.46 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sebagaimana rakan-rakan saya tadi, saya juga memikirkan iaitu peruntukan ini tidak mencukupi untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya fikir taraf Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong samalah dengan Queen of England sebab negeri kita telah merdeka dan berdaulat tarafnya serupa sahaja. Kalau Queen of England berdiri, berdirinya sama tinggi, kalau duduk sama rendah. Itu taraf Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Tetapi tengok bagaimana peruntukan kita yang mana kita mengatakan negeri kita adalah satu negeri yang cukup kaya raya yang penuh dengan minyak, getah dan serba-serbi. Tetapi saya fikir apa yang dikatakan oleh rakan saya yang berdua itu, itu tidak cukup. Mengapa

\$30,000 atau \$40,000; setengah daripada \$100,000-\$50,000 sebulan tidak menjadi hal. Satu taukeh mendapat tiap-tiap bulan \$100,000-\$200,000 sebulan, ini seorang Raja yang berdaulat dalam satu negeri, \$20,000 sahaja sebulan, itupun cuma boleh duduk 5 tahun. Sepatutnya \$50,000 untuk dipertimbangkan pada masa yang akan datang.

Apa yang dikatakan Istana tadi barangkali silap sedikit. Istana yang diduduki iaitu Istana Negara itu bukan kepunyaan Sultan Selangor dahulu. Itu dipunyai oleh taukeh China. Taukeh China boleh duduk di istana yang begitu, tetapi tempat yang begitu dibeli oleh Kerajaan kita untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tidakkah kita malu? Barangkali masa merdeka dulu tidak tahu di mana hendak letakkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bersemayam, jadi Baginda bersemayam di situ buat sementara, boleh dikatakan Istana Hinggap. Tetapi selepas merdeka 20 tahun, apa yang dibuat? Saya dengar dulu hendak buat istana, tetapi sampai sekarang apa istana yang dibuat? Apa yang saya dengar tadi pergi ke Ampang, menumpang.

Jadi sudah patut, sudah sampai masanya, bukan kita hendak minta kawasan 100 ekar, letakkan istana di tengah. Barangkali Tuan Yang di-Pertua telah pergi ke beberapa buah negeri dan tengok, satu istana di dalam bandar Tokyo, berapa ratus ekar? 500 ekar, istananya di tengah-tengah, siap segala-galanya. Baharu dipandang orang yang dia itu raja kita, raja yang berdaulat betul-betul, raja betul-betul raja. Raja ini kita yang membesarkan bukan dia. Kita yang menaikkan dia, kita yang hendakkan taat setia kepadanya. Jadi sepatutnya kitalah yang meninggalkan dia, letakkan dia di satu tempat yang cukup baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rakan-rakan saya tadi, apa yang dikatakan oleh pembangkang, apa yang dikatakan komunis itu, pedulikanlah. Saya sudah tengok, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu masa dua tiga tahun dahulu saya berdiri dekat Ginza di Tokyo. Di situ saya nampak—itu dahulu dikatakan orang Jepun ini adalah satu manusia yang taat setianya kepada rajanya, begitu taat, nyawa diberinya kepada raja. Hara-kiri untuk rajanya.

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua telah baca cerita “49 Hulubalang” yang telah memotong perut kerana rajanya. Jadi begitu taat setianya mereka. Mereka ingat raja itu adalah Tuhan di atas dunia dan besoknya tuhan juga. Taat setianya itu saya katakan sebelum perang, dalam perang, tetapi bagaimana sesudah perang? Sesudah perang oleh kerana kemasukan demokrasi dalam negeri oleh American, kemasukan fikiran-fikiran dan ajaran-ajaran baru oleh komunis, maka itulah sebabnya saya hendak katakan tiga tahun dahulu, saya tercacak di Ginza, saya tengok beratus-ratus ribu orang yang berarak, katanya “kami tidak mahu lagi raja, kita tidak mahu Tenoheka—down with Tenoheka! tidak mahu raja lagi.” Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu yang Tenoheka itu duduknya tidak campur dengan hal orang, kita tahu dia Constitutional Monarch, raja di dalam Perlembagaan—tidak campur, dia tidak minta tanah, dia tidak minta lombong, dia tidak minta kayu, dia tidak minta segala-galanya, tidak mahu. Dia tidak kahwin empat. Tetapi apa sebabnya begitu? Orang Jepun sudah jadi begitu, sebabnya mereka telah dimasuki fahaman komunis ini tadi. Ajaran komunis ini memang ajarannya tidak percaya kepada raja, percaya kepada kebendaan sahaja. Hendak menghalau raja ataupun dibunuhnya raja. Barangkali, Tuan Yang di-Pertua tahu revolution di Russia apabila tamatnya perang 1918 sebelum kejatuhan Russia di dalam peperangan dunia yang pertama, Tzarnya telah dibunuh. Itu baharu masuk fahaman komunis. Telah dibunuhnya raja, permaisurinya dan segala-galanya habis dibunuh oleh komunis. Begitu juga di Jepun pada hari ini.

Jadi dengan sebab itu kita terpaksa beringat-ingat. Saya sebagai seorang Melayu, bumiputra dan sebagai orang Malaysia yang taat setia kepada raja, saya ingatkan iaitu dengan adanya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana kita rakyat jelata boleh bersatu-padu, maka saya dengan sebab itu menyokong supaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini kita jaga betul-betul dengan gajinya yang betul-betul berpatutan, iaitu bukannya \$20,000 sebulan tetapi hendaklah, apa yang saya katakan tadi sekurang-kurangnya bukan \$25,000, bukan \$30,000 atau \$40,000 tetapi \$50,000 satu bulan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sekali lagi.

5.55 ptg.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjawab ucapan-ucapan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat atas Rang Undang-undang yang telah saya kemukakan sebentar tadi.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada pandangan-pandangan yang baik, yang mulia yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu tentang kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Memang kita semua sedar khususnya kita Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu adalah seorang yang merupakan simbol perpaduan rakyat dan padanyalah ketaatan setia didapati.

Menyentuh apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak yang telah memberi pandangan supaya Kerajaan menimbangkan habuan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak \$20,000 tetapi di antara \$25,000 sampai \$30,000 tiap-tiap bulan, sesuai dengan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berbanding dengan raja-raja yang ada di negara kita ini.

Kerajaan dalam masalah ini akan mengambil suatu perhatian yang serious pada pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai habuan ini yang mana suatu cadangan pula telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad sebanyak \$40,000 sebulan. Dan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik memandang kepada taraf yang disamakan dengan Queen of England tidak patutlah elaun yang dicadangkan itu sebanyak di antara \$25,000, \$30,000 dan \$40,000 tetapi beliau mengesyorkan supaya elaun itu adalah \$50,000 sebulan.

Memang, kalau dipandang dari segi tugas-tugas yang dijalankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong selain daripada menemui duta-duta dari negara-negara asing juga beliau bertanggungjawab tentang keselamatan dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia ini. Dan inilah faktor-faktor yang ada dalam pandangan kita semua yang mana saya juga turut merasai bahawa suatu peruntukan yang khusus patut dipertimbangkan oleh Kerajaan. (*Tepuk*). Saya tidaklah hendak membuat janji berapa jumlahnya tetapi Kerajaan akan mengambil perhatian yang serius di dalam kedudukan ini.

Menyentuh soal Rumah Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi sebenarnya Rumah Malaysia ini di mana Duli Yang Maha Mulia bersemayam sekarang ialah buat sementara waktu. Oleh kerana sementara waktu itulah tidak terlintas kepada Kerajaan bahawa hendak diubahkan rumah itu daripada Rumah Malaysia kepada Istana Ampang, Istana Bintang atau apa-apa istana. Jadi soal tukar nama ini tidak menjadi masalah, kalau perlu boleh ditukar bila-bila masa sahaja.

Menyentuh soal istana khusus bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kalau tidak salah ingatan saya bahawa telah ada rancangan Kerajaan dan telahpun diadakan sebidang tanah untuk dibangunkan sebuah istana yang sesuai dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mungkin barangkali sekarang proses untuk membangunkan istana itu sedang dijalankan dan kita harap Kerajaan akan mengambil satu langkah untuk membina istana itu secepat mungkin mengikut keadaan-keadaan yang mengizinkan. Istana yang diduduki oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang lalu iaitu Istana Negara sedang diperbaiki sekarang dan dijangka akan siap dalam bulan Mac tahun 1980. Pada ketika itu Seri Paduka Baginda akan pindah ke istana ini, jadi kalau dikira tidak berapa lama lagilah Seri Paduka akan pindah ke Istana ini sebab perhiasan-perhiasan di Istana ini nampaknya tidak sesuai dengan keadaan sekarang dan semua perhiasan itu akan ditukar menjadi satu istana yang boleh disifatkan sebagai satu istana yang menarik. Ada lagi sebuah istana yang dinamakan Istana Tetamu di kawasan Lake Gardens dan pada masa ini sedang diperbaiki.

Saya rasa itulah sahaja yang dapat saya memberikan jawapan kepada ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang ini dan saya akan mengambil perhatian atas semua pandangan-pandangan yang berguna itu supaya Kerajaan dapat mengambil satu langkah yang sesuai dengan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN KHAS (RAJA PERMAISURI AGONG)

6.04 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan khas bagi memberi pencen, elaun dan keistimewaan-keistimewaan lain kepada seseorang Raja Permaisuri Agong yang menjadi balu atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah satu undang-undang yang baru yang tunggal bagi membuat peruntukan-peruntukan bagi bekas-bekas Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang telah menjadi balu kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa masih memegang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong Pertama, Dewan yang mulia ini telah meluluskan Akta Pencen Khas (Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah) tahun 1960. Beberapa bulan selepas itu, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pula Akta Pencen Khas (Tengku Ampuan Jema'ah binti Raja Ahmad), 1961 berikutan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Hishamuddin Alam Shah Yang di-Pertuan Agong kedua.

Selaras dengan keputusan-keputusan Kerajaan terdahulu daripada ini, keputusan telah dibuat bahawa adalah sangat wajar Kerajaan Persekutuan memperuntukkan satu pencen khas, elaun dan kemudahan-kemudahan lain yang sesuai kepada Yang Maha Mulia Raja Perempuan Zainab II kerana perkhidmatan Baginda selama kira-kira 3½ tahun sebagai Raja Permaisuri Agong dan menimbangkan bahawa Al-Marhum Tuanku Yahya Petra mangkat semasa masih memegang jawatan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencen-pencen khas dan kemudahan-kemudahan lain yang diperuntukkan kepada bekas-bekas Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada hari ini adalah dibuat melalui undang-undang yang berasingan. Pada pandangan Kerajaan, adalah sesuai peruntukan-peruntukan tersebut dibuat melalui undang-undang yang tunggal sebagaimana yang telah dibentangkan.

Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan yang terkandung dalam seksyen 2 dan Jadual dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (a) Pencen Khas sebanyak \$3,000 sebulan;
- (b) Elaun penyenggaraan (maintenance allowance) bulanan atas kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
- (c) Sebuah kereta yang dikecualikan daripada cukai jalan dan cukai pendaftaran. Sekiranya Baginda-baginda tidak berhasrat menerima kereta tersebut, maka Baginda hendaklah dibayar sebagai gantinya wang pukal sebanyak \$50,000 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan;

(d) Sebuah rumah Kerajaan yang akan disenggara oleh Kerajaan. Sekiranya Baginda-baginda tidak berhasrat menerima kemudahan tersebut, maka Baginda-baginda hendaklah dibayar sebagai gantinya wang pukal sebanyak \$100,000 yang dikecualikan daripada cukai pendapatan;

Mengenai elaun penyenggaraan, saya ingin menjelaskan bahawa elaun ini adalah terdiri dari elaun-elaun menyenggara motokar, elaun pemandu dan elaun pembantu rumah. Elaun yang ditetapkan oleh Kerajaan pada masa ini ialah sebanyak \$750 sebulan.

Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, maka peruntukan-peruntukan yang sama juga adalah dinikmati oleh Yang Maha Mulia Tunku Puan Besar Kurshiah. Ringkasnya, pencen khas Baginda akan dinaikkan dari \$1,500 sebulan menjadi \$3,000 sebulan, dengan elaun penyenggaraan ditambah dari \$300 sebulan menjadi \$750 sebulan.

Segala peruntukan yang dicadangkan ini adalah dikuatkuasakan mulai 1hb April, 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.13 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang pada petang ini membahaskan Rang Undang-undang Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong).

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya baca dan kalau saya tidak disilapfahamkan oleh fahaman saya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab II akan menerima saaraan sebanyak \$3,000 sebulan dan juga sebuah kereta Mercedes Benz 200 atau gantiannya \$50,000 dan juga sebuah rumah

atau gantiannya \$100,000. Saya sangat sukacita atas pandangan Kerajaan kerana memperuntukkan kereta atau gantian belian kereta dengan wang tunai dan juga peruntukan rumah atau gantian dengan wang tunai tetapi apa yang saya suka menarik perhatian Kerajaan \$100,000 harga rumah pada waktu ini tentulah kita sama-sama boleh fikirkan di manalah rumah yang dapat dibeli atau kalau dibuat pun tentulah dengan peruntukan \$100,000 juga. Boleh jadi Kerajaan memandangkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab II akan bermastautin di Kota Bharu mungkin tukang-tukang di Kota Bharu murah dan banyak tukang-tukang Melayu dari Kelantan yang boleh membuat rumah atau Istana dengan harga yang berpatutan dengan \$100,000 tetapi di sini tidak dinyatakan bahawa kiranya jikalau rumah itu dikehendaki didirikan di Kuala Lumpur. Bagaimana?

Kalau sekiranya Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu sendiri berkehendak mendirikan rumah di Kuala Lumpur dan bersemayam di Kuala Lumpur oleh satu-satu sebab yang tidak perlu diketahui adakah menasabah peruntukan \$100,000 harga sebuah rumah yang diberi peruntukan ke bawah Duli Yang Maha Mulia bekas Raja Permaisuri Agong dan ini lebih kurang sama sahaja dengan seorang pegawai Kerajaan jikalau suaminya meninggal dunia dapat peruntukan \$100,000 sedangkan pada masa hidup Tuanku Yahya Petra (Yang di-Pertuan Agong pada waktu itu), Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab menjadi Raja Permaisuri Agong menghadiri sebarang majlis dan juga apitan yang tidak asing daripada Al-marhum Yang di-Pertuan Agong.

Mengenai kereta inipun tidak dinyatakan adakah gantian setelah lepas 3 tahun atau 4 tahun atau diberi sekali gus sahajakah atau sembah sekali satu kereta ini sepanjang hayatnya. Walaupun ada kemampuan Duli-duli Yang Maha Mulia itu tetapi harus kita berfikir bila lepas 3 tahun sekali umpamanya Kerajaan harus menyembahkan semula sebuah kereta selagi ada hayatnya.

Saya menyarankan kepada Kerajaan menimbang masalah peruntukan \$100,000 atau sebuah rumah ini. Walaupun bunyi sebuah rumah, jikalau ditakdirkan Tuanku Ampuan Zainab II berkehendak bersemayam di Kuala Lumpur, Kerajaan akan

menyediakan sebuah rumah yang diuntukkan barangkali di mana-mana yang difikir oleh Kerajaan patut tetapi kalau sekiranya Baginda bercadang rumah itu tidak sesuai padankah dengan \$100,000? Jadi ada pepatah kita mengatakan: Ada pandang depan, tak ada pandang belakang. Ini bukan warisan kebudayaan dan kesenian Melayu yang mempunyai aturan dan peraturan, Raja disembah bukan masa Al-marhum Tuanku Yahya Petra sahaja ada, lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio sendiri yang datang daripada Kelantan mesti memandang bahawa sanya Tuanku Ampuan Zainab II itu adalah bekas Raja Permaisuri Agong atau bekas Permaisuri Negeri Kelantan yang patut diberi peruntukan yang menasabah yang boleh dibawa ke dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya pinjam sedikit pandangan dengan kematian Yang Berhormat Menteri, Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad, Kerajaan menghadiahkan lebih \$100,000. Sepatutnya Kerajaan mestilah berfikir, memberi nasihat dan pandangan supaya peruntukan ini dibesarkan sesuai dengan nama dan kehormatan. Saya tidak menyebut bahawa sanya itulah satu keputusan akhir Kerajaan tetapi saya harap keputusan yang hendak diambil ini boleh dikaji dan disembahkan semula kepada Kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri yang ada dalam Dewan ini.

Yang kedua, yang saya hendak cakap ialah imbuhan atau habuan Raja Permaisuri Agong itu sendiri pada masa Tuanku Putra masih hidup, masih ada hayatnya menjadi Yang di-Pertuan Agong juga mendapat \$3,000 sebulan dan amalan itu berikutan kepada Raja Permaisuri Agong yang ada hari ini. Jadi elau masa hidup Yang di-Pertuan Agong dengan mangkat Yang di-Pertuan Agong adalah sama. Tentulah perkara ini tidak menasabah sebab Raja Permaisuri Agong pun mempunyai tugas, dia mengapiti kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa menerima lawatan pembesarpembesaran negara lain, dia juga mesti hadir pada masa menerima dan memberi bintang-bintang kehormatan negara, dia juga mesti hadir sebagai Raja Permaisuri Agong membuka Parlimen dan dia ditugaskan sebab dia ditabalkan sama sekali sama dengan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Raja Permaisuri Agong ditabalkan sama, istiadat sama, gelaran diberi sama, maka dengan sebab gaji atau elaunnya cuma \$3,000 sebulan, rasa saya kalau tadi Kerajaan bercadang hendak menimbangkan imbuhan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apa salah masalah ini dibawa sekali. Kalau perkara ini diketahui oleh umum secara biasa berapakah ayapan Raja Permaisuri Agong? \$3,000 sebulan—saya meminjamkan pandangan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, ketaatsetiaan tidak boleh dipernilai dengan wang ringgit. Kalau nisbah \$3,000 barangkali barisan di depan saya ini pun ada yang dapat \$3,000 sebulan, jadi adakah Raja Permaisuri Agong yang menjalankan tugas bersampingan Yang di-Pertuan Agong mendapat \$3,000 sebulan juga.

Dalam mengkaji masalah yang sangat sensitif hendaknya Kerajaan mesti memberi satu gambaran yang agak tinggi dan luma-yan barulah Ahli-ahli Dewan ini tidak akan bercakap dan menghormati Bil ini sebagai Bil peribadi. Apatah lagi apabila menyentuh masalah yang sensitif ini hemat-hemat hendak juga dikira, takut tersentuh peribadi, sedangkan mengikut peraturan Perlembagaan dan juga Peraturan Permesyuaratan tidak boleh menyentuh peribadi atau sahsiah Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, tetapi kalau langkah yang semacam ini bahawa Kerajaan dengan sendirinya mengajar kepada Ahli-ahli Dewan ini supaya menyentuh masalah itu. Sebelum Tuan Yang di-Pertua buka buku Peraturan Mesyuarat itu, saya memohon supaya Kerajaan menimbangkan masalah ini di samping menimbangkan masalah ayapan Yang di-Pertuan Agong bersama dengan ayapan ataupun habuan, imbuhan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong dinaikkan daripada kadar yang sekarang ini kepada kadar yang lebih sesuai yang dapat ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir.

6.25 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak menyentuh berkenaan dengan peribadi. Saya cuma suka mengucapkan terima kasih yang mana telah dibuat pindaan, tetapi bagi pihak saya baru hari ini kedengaran iaitu Tunku Kurshiah yang telah menjadi balu sangat lama tetapi pendapatan beliau sangat-sangat sedikit, kerana saya tahu beliau telah membuat kerja kebaktian ini sangat banyak kepada masyarakat dan rakyat. Oleh itu patutlah Kerajaan menimbangkan sebagaimana sahabat-sahabat saya yang telah menyatakan iaitu tambahan sekurang-kurangnya jikalau menjadi balu sebanyak \$10,000 atau \$15,000 akan diberi kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ini kerana kita tahu kedudukan wang pada masa ini sangat-sangat kecil.

Sebagaimana kita Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, wang yang kita terima \$1,000 sebulan inipun tidak mencukupi, tambahan pula ini seorang Ketua Negara yang telah kita agong-agongkan, mereka sudah menderita tetapi mereka tidak memberitahu kepada kita yang sepatutnya Kerajaan menimbangkan.

Peruntukan rumah \$100,000 ini saya rasa kalau kita hendak beli di Pulau Pinang barangkali satu bilik tidak boleh dapat \$100,000. Inikan pula Ketua Negara kita yang telah menjadi balu, patutlah kita membuat satu kediaman yang paling cantik, yang paling elok supaya negara-negara lain datang di negara kita melihat bagaimanakah Kerajaan kita telah membuat kepada Ketua Negara yang menjadi balu ini. Saya memohon kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula menambahkan pendapatan Raja Permaisuri Agong yang telah menjadi balu supaya mereka tidak menderita atau menyusah diri mereka sebagaimana yang telah saya lihat Tunku Kurshiah, beliau telah bertugas betul-betul, wang itu akan dihabis atau dicurahkan kepada rakyat. Ini satu contoh dan saya berdoa supaya Tunku Kurshiah ini lanjut usia supaya lebih lagi beliau akan menjalankan tugas kepada rakyat dan segala lapangan tidak dihiraukan.

Saya tidaklah hendak menyentuh sebab perkara ini tidak patut, sebagaimana sahabat-sahabat yang telah menyatakan tadi,

tidak boleh kita menyentuh—bukan menyentuh hanya memberi pandangan bagi pihak orang-orang Melayu yang beragama Islam berasa bangga, berasa sombong kalau Kerajaan boleh menjalankan sebetul-betulnya sebagaimana yang telah dibuatkan Rang Undang-undang ini. Tetapi janganlah Rang Undang-undang ini tahun 1979 telah dibentangkan tetapi sepuluh tahun lagi belum dijalankan, janganlah, banyak Rang Undang-undang telah kita lulus tetapi banyak yang belum dijalankan.

Saya ucapkan ribuan terima kasih, kalau-lah sekiranya saya bercakap silap, saya mohon ampun dan maaf kerana maklum dalam perkara ini saya di Pulau Pinang bukannya beraja, tetapi tidak mempunyai Raja, tentulah barangkali tersalah atau tersilap berbanyak saya meminta ampun dan maaf, tetapi saya berharaplah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah membawa Rang Undang-undang ini sampaikan kepada Perdana Menteri kita supaya menambahkan elau Raja Permaisuri Agong seperti elau motokar, kalau buruk janganlah dibiarkan buruk, belilah yang baru, biarlah dengan sempurna supaya dapat taraf balu Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

6.30 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi saya rasa kesal sedikit oleh kerana Kerajaan tidak menimbangkan secara adil. Apa yang saya katakan tidak berapa adil iaitu apa yang rakan saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini kalau membeli rumah sahaja dengan harga \$100,000 setakat link-house, kalau di Bangsar Park cuma dapat link-house kerana harga link-house tak kurang daripada \$100,000. Jika dikira tanah pula dengan rumah mustahil boleh kita dapat rumah berharga \$100,000. Dengan sebab itu, saya tak tahulah siapa yang mencadangkan \$100,000 ini siapa yang mencadangkan \$100,000 sudah cukuplah. Perkara ini sebelum dibawa dan dijadikan Rang Undang-undang mesti difikirkan dan ditenggokkan iaitu pada masa sekarang harga tanah dan sebagainya sangat mahal harga rumah telah naik melambung. Dengan sebab itu saya mengharap Kerajaan terpaksa menimbangkan perkara ini dengan sewajarnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, semasa Duli Yang Maha Mulia itu menjadi Raja Permaisuri Agong kita sembah dan kita junjung tinggi tetapi apabila sudah menjadi bekas Permaisuri maka sayang sekali iaitu kita tidak pertimbangkan dengan secara mendalam di atas kehidupan Duli Yang Maha Mulia Bekas Permaisuri Agong. Dengan sebab itulah barangkali rakan saya dan saya juga berfikir perkara ini mestilah Kerajaan lagi sekali menimbangkan. Sungguhpun Rang Undang-undang ini disokong untuk memberi pencen, elaun dan lain-lain keistimewaan, tetapi Kerajaan mestilah lagi sekali menimbangkan di atas perkara ini oleh kerana pertimbangan yang ada ini tidak begitu mengagakkan keadaan pada hari ini. Jadi begitu juga apa yang dikatakan pencen yang diberikan kepada bekas Permaisuri Agong sebanyak \$3,000 dipandang dari segi sara hidup hari ini tidak cukup. Sungguhpun dikatakan \$3,000 ini tidak kena income tax, tetapi maklumlah Tuan Yang di-Pertua, iaitu di waktu dahulu kehidupan Baginda sungguh tinggi, tapi apabila terus jatuh kepada \$3,000 sebulan, tentulah susah hidup Baginda sedangkan pendapatan yang lebih daripada itupun pada hari ini cukup susah hidup. Jadi dengan sebab itu saya haraplah Kerajaan dapat menimbangkan pencen itu juga supaya sekurang-kurangnya saya fikir dinaikkan kepada \$5,000 sebulan dengan tidak membayar cukai.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah akan mengambil perbincangan yang lebih panjang daripada ini, cuma saya harap Kerajaan dapat memikirkan sungguhpun saya sokong Rang Undang-undang ini, tetapi Kerajaan mestilah memandangkan untuk pembayaran di atas elaun dan juga rumah yang diberi oleh Kerajaan.

6.34 *ptg.*

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, Akta ini sebelum ini telah ada tetapi kita semua tahu akan dimansuhkan dan Akta baru ini akan diluluskan. Walaupun ada peruntukan kewangan tetapi perkara yang pentingnya ialah taraf Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong sudah menjadi balu. Walaupun peruntukan itu tiada memuaskan hati kita, tetapi taraf yang penting dihormati. Kesedihan kerana kemangkatan Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong perlu ditampung dengan ketenangan jiwa agar sesuai mengikut masa dan keadaan.

Kepada seorang isteri yang kematian suami sudah tentu kita faham banyak memerlukan sokongan, nasihat, nikmat, bantuan serta simpati. Tetapi kalau itu semua hanya berupa nikmat yang perlu diterima maka yang penting difikirkan ialah masa depannya hidup seseorang dan hendak menyesuaikan diri di tengah masyarakat negara adalah amat penting. Apa lagi kita lihat Rang Undang-undang ini seperti Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Khursiah dan juga Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong di mana kita semua dapat mengetahui bersama-sama membuat jasa kepada masyarakat dan negara. Maka sebab itu kita sanjung tinggi dan apa yang penting saya katakan mula-mula tadi ialah ketenangan jiwa itu.

Kita mengagakkan semasa hayat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka keagongan itu jugalah hendaknya kita sanjung, walaupun setelah kemangkatan Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, saya tidaklah hendak membahaskan panjang dalam Rang Undang-undang ini, apa yang saya harapkan Baginda hidup sederhana sesuai dengan masa dengan memenuhi setiap masa lapang dengan memberi khidmat kebajikan dan amalan yang disuruh oleh agama Islam adalah amat dialu-alukan. Maka kedaulatan dan taraf tidak akan hilang dan tidak dilupakan oleh rakyat. Maka patutlah sangat kita sebagai rakyat mematuhi sempadan-sempadan dan sesuaiilah dengan ajaran agama dan keadaan masa.

Akhirnya, saya serupa juga dengan Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak tadi iaitu saya rasa kurang puas hati dalam soal imbuhan itu. Apa yang saya katakan tadi patutlah di masa hadapan supaya benda yang kita fikir mana perlu dibahas dan yang mana tak perlu dibahas patut kita memberikan dengan sambutan dan sanjungan yang begitu baik sekali. Maka dalam masalah ini soal imbuhan bekas Raja Permaisuri Agong harus dinaikkan juga Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebahagian daripada masyarakat

memandang ini sudah banyak dan lebih, tetapi apa yang saya katakan pada masa tadi bukan dinilai soal itu, tetapi yang patut kita fikirkan penghormatan yang sesuai. Jadi atas perkara ini, sekali lagi saya katakan patutlah pencen bekas Raja Permaisuri Agong sekarang ini dinaikkan juga.

6.40 ptg.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, pengesyoran-pengesyoran kepada Rang Undang-undang ini dan telah menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang hanya saya hendak sebutkan dua tiga perkara sahaja iaitu Kerajaan telah memandang dari segala aspek, dari segala sudut tentang imbuhan kepada bekas Permaisuri Agong ataupun pencen kepada Raja Permaisuri Agong iaitu sebanyak \$3,000 sebulan dan habuan rumah sebanyak \$100,000 bagi membina sebuah rumah di Kota Bharu, Kelantan. Memandangkan kedudukan ataupun masalah-masalah pemberian elaun ataupun habuan kepada Raja-raja ataupun isteri Raja ataupun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, ini semuanya merupakan perkara yang sangat-sangat sensitif di antara Raja-raja yang ada dalam negara kita ini. Oleh yang demikian, Kerajaan memandang begitu teliti sekali dalam membuat sesuatu cadangan dalam mengemukakan Rang Undang-undang kerana sekiranya dilakukan sesuatu yang boleh menimbulkan sensitif kepada Raja-raja yang ada dalam negara kita ini, ini akan menimbulkan suatu keadaan yang tidak sihat. Saya sama berpendapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan kepada kedudukan Raja-raja dan kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bahawa mereka adalah boleh dikatakan simbol lagi perpaduan rakyat dan oleh kerana sesuatu perkara yang hendak ditimbang kepada mereka ini akan menimbulkan sesuatu perkara yang sensitif, oleh sebab itulah Kerajaan memandang perkara ini sangat-sangat susah hendak menentukan suatu angka yang munasabah tetapi memandangkan kepada keadaan-keadaan yang timbul, keadaan-keadaan yang wujud pada masa sekarang

apa yang telah dikemukakan oleh Kerajaan itu adalah difikirkan buat sementara ini munasabah. Jadi, pengesyoran-pengesyoran yang dikemukakan oleh saudara Ahli-ahli Yang Berhormat dan apa sahaja pemberian elaun dan sebagainya kepada Raja-raja atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan diambil perhatian oleh Kerajaan pada ketika-ketika dan masa-masa yang mengizinkan Kerajaan membuat sesuatu keputusan yang munasabah dan sesuai kepada mereka.

Dalam masalah elaun yang telah dicadangkan sebanyak \$3,000 ini pada tiap-tiap bulan dan \$100,000 untuk membina sebuah rumah di negeri Kelantan kepada Raja Permaisuri Agong dan pencennya \$3,000 ini, Kerajaan tidaklah lagi bercadang hendak membuat sesuatu perubahan sehingga suatu masa yang patut difikirkan.

Saya pada akhirnya mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada pandangan-pandangan yang baik itu dan memang kita khususnya orang Melayu dan rakyat negara ini patutlah memberi taat setia kepada Raja-raja kita khususnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menjadi Head of State, yang menjadi tumpuan taat setia rakyat semuanya kepada Baginda.

Oleh yang demikian, saya sekali lagi mengucapkan ber-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan pengesyoran-pengesyoran di dalam dua Rang Undang-undang yang saya telah bawa pada petang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAN HAKIM (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.50 ptg.

Menteri Tak Bertotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bertujuan membuat peruntukan-peruntukan seperti berikut:

- (i) Mengadakan seksyen 8A yang baru bagi mewujudkan peruntukan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun memohon supaya dibenarkan bersara oleh kerana uzur;
- (ii) Mengadakan seksyen 8B yang baru bagi memasukkan peruntukan bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun memohon supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam suatu jawatan lain yang penting;
- (iii) Meminda seksyen 8 bagi membolehkan seseorang hakim yang dibenarkan bersara mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 8A dan 8B yang baru itu mendapat pencen dan ganjaran.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat harus maklum, seseorang hakim itu adalah berhak mendapat pencen dan ganjaran sekiranya ia bersara dari jawatannya apabila mencapai umur 65 tahun, meletakkan jawatannya setelah berumur 60 tahun atau ia dikehendaki meletakkan jawatannya di bawah Perkara 125 (3) Perlembagaan Persekutuan apabila ia didapati tidak lagi berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya oleh kerana keuzuran atau atas sebab-sebab lain.

Ini bermakna bahawa jika seseorang hakim yang belum mencapai umur 60 tahun didapati uzur sehingga tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya, tidak ada jalan lain baginya untuk meletakkan jawatan dengan sendiri dan mendapat hak pencen dan ganjaran. Pendekata, beliau hanya berhak mendapat pencen dan ganjaran sekiranya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong "remove" hakim itu atas perakuan sebuah tribunal. Tetapi cara ini membawa kesan seolah-olah hakim itu telah dipecat dari jawatannya.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa adalah wajar bagi seseorang hakim yang belum mencapai umur 60 tahun dan didapati uzur sehingga tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dibolehkan membuat permohonan untuk bersara. Dengan jalan ini beliau berhak mendapat pencen dan ganjaran yang layak baginya.

Seksyen 8A yang dicadangkan ini menetapkan juga tatacara bagi menimbangkan permohonan bersara yang dimaksudkan itu. Sesuatu permohonan itu hendaklah dibuat melalui Ketua Hakim Negara, yang perlu memberi pertimbangan yang teliti. Ketua Hakim Negara adalah dikehendaki berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan untuk menubuhkan sebuah Lembaga Pegawai Perubatan bagi menimbang kes yang dirujuk kepada.

Apabila menerima laporan Lembaga Pegawai Perubatan, Ketua Hakim Negara dikehendaki memberi pertimbangan terhadap Laporan dan pendapat Lembaga itu. Sekiranya beliau berpuas hati dengan pendapat tersebut maka permohonan itu hendaklah dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan menyembahkannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda akan merujukannya kepada sebuah "tribunal" yang dilantik mengikut Perkara 125 (4) Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan perakuan "tribunal" tersebut, maka Seri Paduka Baginda boleh memperkenankan permohonan dan meluluskan persaraan hakim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 8B yang dicadangkan membuat peruntukan bagi membenarkan seseorang hakim Mahkamah

Persekutuan yang belum mencapai umur 60 tahun untuk bersara sekiranya ia dikehendaki menyumbangkan perkhidmatannya dalam satu jawatan demi kepentingan dan keperluan khas sesebuah Negeri atau demi kepentingan Malaysia pada keseluruhannya. Dalam hal ini, jawatan yang bakal disandang oleh seseorang hakim itu hendaklah jawatan yang begitu penting sahaja.

Dalam hal ini, kuasa meluluskan permohonan ini terletak pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Oleh kerana tujuan asas mengemukakan pindaan-pindaan ini ialah untuk membolehkan seseorang hakim yang dibenarkan bersara mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 8A dan 8B yang dicadangkan itu mendapat hak pencen dan ganjaran, maka perlulah seksyen 8 Akta Saraan Hakim 1971 dipinda sebagaimana dalam seksyen 2 dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

6.55 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) bagi meminda Akta Saraan Hakim 1971. Semantara Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan persaraan atau perantakan jawatan oleh seseorang hakim disebabkan kesihatannya terganggu, saya ingin menyuarakan di sini iaitu perhentian hendaklah dibuat serentak supaya terdapat persambungan di dalam pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, ini sangatlah perlu oleh kerana sekarang terdapat kekurangan bilangan Hakim di negara ini untuk mengendalikan tugas-tugas di mahkamah. Misalnya di Muar terdapat sebuah Mahkamah Tinggi tetapi Hakim tidak tinggal di sana, biasanya Hakim dari Melaka akan hadir dan mengendalikan tugas-tugas Hakim di Mahkamah Tinggi Muar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menegaskan pada Kerajaan iaitu sewaktu membuat perantakan, selama ini saya perhatikan kebanyakan dari Hakim-hakim kita dilantik dari Jabatan Kehakiman. Walau bagaimanapun, saya ingin mengesyorkan supaya ahli-ahli Guaman dapat dilantik bersama. Inilah yang saya hendak beritahu, terima kasih.

6.58 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Selain daripada itu saya ingin memberikan ulasan-ulasan, di antaranya satu peruntukan yang memberikan hak bersara kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan bilamana mereka telah berumur 65 tahun. Ini satu hak yang paling baik dari segi professional kehakiman dalam sesebuah negara, sebab dengan tua umurnya itu, lebih matang mereka dalam perundangan. Jadi dengan keadaan ini umur yang dicadangkan itu terutama sekali bagi kita orang-orang Asia ini umur yang sebegini memang umur yang matang, umur yang baik dalam menguruskan hal perundangan. Jadi patut kepada mereka ini diberikan hak supaya mereka bersara. Yang saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Datuk boleh menyambung besok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 19hb Julai, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.